

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
Laporan Pengarah	1-15
Penyata oleh Para Pengarah	16
Akuan Berkanun	16
Laporan Juruaudit	17
Lembaran Imbangan	18
Penyata Perubahan dalam Ekuiti	19
Penyata Pendapatan	20
Akaun Hasil Dana Insurans Am	21
Penyata Aliran Tunai	22-23
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	24-55

## LAPORAN PENGARAH

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

## AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah pengunderaitan perniagaan insurans am. Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah sebuah subsidiari milik penuh PacificMas Berhad ("PacificMas"), sebuah syarikat awam liabiliti berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

## KEPUTUSAN

**RM**

Keuntungan bersih untuk tahun 10,034,120

Tidak terdapat pindahan yang penting kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan.

Pada pendapat para pengarah, keputusan kendalian Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa.

## DIVIDEN

Jumlah dividen yang dibayar oleh Syarikat sejak 31 Disember 2006 adalah seperti berikut:

**RM**

Berhubung tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007  
Dividen interim 40.0 sen sesaham tolak 27% cukai,  
dibayar pada 20 Disember 2007 29,200,000

Para pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

## **PENGARAH**

Pengarah Syarikat sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini adalah:

Choi Siew Hong  
Tan Sri Dato' Nasrudin bin Bahari  
Keong Choon Keat  
Lai Wan  
Ng Hon Soon

Menurut Artikel 65 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Lai Wan akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, dan oleh sebab layak, menawarkan diri untuk pelantikan semula.

Dalam melaksanakan Seksyen 129 Akta Syarikat 1965, Choi Siew Hong dan Tan Sri Dato' Nasrudin bin Bahari akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan resolusi-resolusi akan dicadangkan bagi pelantikan semula mereka sebagai pengarah-pengarah di bawah peruntukan Seksyen 129 (6) Akta tersebut untuk memegang jawatan sehingga penamatan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang seterusnya.

## **URUS TADBIR KORPORAT**

### **(a) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah**

#### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan taraf amalan urus tadbir korporat yang tertinggi agar urusan-urusan Syarikat dijalankan secara profesional, bertanggungjawab dan berintegriti dengan objektif untuk meningkatkan nilai pemegang saham serta menjaga kepentingan pihak berkepentingan yang lain.

Lembaga adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi pengawasan yang sewajarnya terhadap sumber-sumber Syarikat, pencapaian objektif-objektif korporat dan kewarganegaraan korporat yang baik. Syarikat komited terhadap amalan urus tadbir korporat terbaik selaras dengan Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM"), JPI/GPI 1 (Gabungan): Standard Minimum untuk Pengurusan Berhemah Penanggung Insurans dan JPI/GPI 25 (Gabungan): Rangka Kata Berhemah Urus tadbir Korporat bagi Penanggung Insurans. Syarikat telah mematuhi pemakaian preskriptif serta mengguna pakai amalan pengurusan yang sejajar dengan garis panduan ini.

Lembaga bertanggungjawab pada keseluruhannya ke atas arah tujuan strategi dan rancangan pembangunan Syarikat, memandangkan ia membimbing dan mengawal Syarikat dengan berkesan. Lembaga bermesyuarat secara tetap dan mempunyai jadual formal bagi perkara-perkara yang secara khusus memerlukan pertimbangan dan kelulusannya, termasuk rancangan strategik dan perniagaan tahunan, pengendalian perniagaan dan prestasi kewangan Syarikat. Kelulusan Lembaga juga diperlukan bagi transaksi Syarikat dalam menggunakan sumber luar bagi sesetengah fungsi perniagaan, pengambilalihan penting dan pelupusan aset, serta urusan niaga pihak berkaitan utama. Lembaga juga mengkaji semula dan meluluskan tahap kekuasaan bagi fungsi utama Syarikat, termasuk polisi pelaburan, penginsurans semula, pengunderaitan, pengurusan risiko dan isu kepatuhan.

Pengarah-pengarah sentiasa dimaklumkan terhadap sebarang perubahan dasar dan pentadbiran atau peraturan baru yang dikeluarkan oleh BNM dan badan profesional berkaitan. Pengarah akan dimaklumkan mengenai perkembangan semasa pasaran secara berterusan melalui program latihan dan taklimat yang relevan.

### **Imbangan dan Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Lembaga terdiri daripada seorang Pengerusi bukan bebas bukan eksekutif, tiga orang pengarah bebas bukan eksekutif dan seorang pengarah bukan bebas bukan eksekutif. Para pengarah perlu membuat pengisytiharan dalaman setiap tahun untuk mengkaji semula status kepatuhan mereka kepada Bahagian XII Peraturan Insurans, 1996 terhadap kriteria minimum iaitu "seorang yang sihat dan waras". Selaras dengan Akta Insurans, 1996, semua pengarah dilantik dan dilantik semula ke Lembaga selepas memperoleh kelulusan terdahulu daripada BNM.

Para pengarah adalah mereka yang berkaliber, berkredibiliti dan berintegriti. Secara kolektif, mereka membawa bersama mereka pengalaman perniagaan dan pengurusan, pelbagai kemahiran dan pengetahuan khusus yang diperlukan bagi pengurusan Syarikat.

Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 12 kali sepanjang tahun kewangan dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

<b>Nama</b>	<b>Jumlah Mesyuarat Yang Dihadiri</b>	<b>%</b>
Choi Siew Hong (Pengerusi)	12/12	100
Tan Sri Dato' Nasrudin bin Bahari	11/12	92
Keong Choon Keat	12/12	100
Lai Wan	12/12	100
Ng Hon Soon	12/12	100

## **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**

Bagi menyokong pelaksanaan tanggungjawab dan fungsi-fungsinya, Lembaga menyerahkan tanggungjawabnya yang tertentu kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang beroperasi dalam bidang rujukan jelas yang tertentu. Pengerusi-pengerusi jawatankuasa-jawatankuasa masing-masing melaporkan kepada Lembaga perkara-perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa tersebut.

### **(i) Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit ("JA") terdiri daripada tiga orang ahli yang merupakan pengarah-pengarah bebas bukan eksekutif. Komposisi jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

Tan Sri Dato' Nasrudin bin Bahari (Pengerusi)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keong Choon Keat  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Lai Wan  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

JA telah bermesyuarat sebanyak 9 kali sepanjang tahun kewangan dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

<b>Nama</b>	<b>Jumlah Mesyuarat Yang Dihadiri</b>	<b>%</b>
Tan Sri Dato' Nasrudin bin Bahari (Pengerusi)	9/9	100
Keong Choon Keat	9/9	100
Lai Wan	9/9	100

Bidang rujukan JA mematuhi JPI/GPI 13: Garis Panduan Jawatankuasa Audit dan Jabatan Audit Dalaman untuk Syarikat Insurans. Ini termasuk memperkukuhkan kebebasan dan keobjektifan fungsi audit dalaman dan luaran serta penentuan skop dan keputusannya. Selaras dengan ini, JA mempunyai capaian bebas kepada juruaudit dalaman, juruaudit luaran dan pengurusan bagi menjalankan fungsinya. JA mengkaji semula ke atas penemuan juruaudit dalaman/ luaran dan pemeriksa daripada BNM, juga memantau tindak balas dan tindakan yang diambil oleh pengurusan bagi menangani penemuan tersebut. JA juga menjalankan kajian semula penyata kewangan Syarikat, cadangan pertukaran standard perakaunan dan dasar ke atas penyata kewangan serta penyelenggaraan sistem kawalan dalaman yang baik untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Syarikat. Selain

daripada mengkaji dan meluluskan Rancangan Audit tahunan, JA juga menilai keberkesanan kos, kebebasan dan keobjektifan juruaudit luaran sebelum memberi cadangan kepada Lembaga untuk disyorkan kepada pemegang saham mengenai pelantikan dan pelantikan semula. Kajian semula dan kelulusan JA juga diperlukan bagi sebarang pelantikan khidmat luar bukan audit yang disediakan oleh juruaudit luaran dan perkhidmatan audit dalaman dan urus niaga berulang pihak berkaitan yang diambil oleh Syarikat.

## (ii) Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("JPR") menyokong Lembaga dalam menguruskan pengurusan risiko Syarikat secara keseluruhan dan terdiri daripada tiga orang ahli yang merupakan pengarah bebas bukan eksekutif. Komposisi jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

Tan Sri Dato' Nasrudin bin Bahari (Pengerusi)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keong Choon Keat  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Lai Wan  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

JPR telah bermesyuarat sebanyak 4 kali dalam tahun kewangan dan kehadiran ahli adalah seperti berikut:

<b>Nama</b>	<b>Jumlah Mesyuarat Yang Dihadiri</b>	<b>%</b>
Tan Sri Dato' Nasrudin bin Bahari (Pengerusi)	4/4	100
Keong Choon Keat	4/4	100
Lai Wan	4/4	100

JPI/GPI 1 (Gabungan): Standard Minimum untuk Pengurusan Berhemah Penanggung Insurans BNM menghendaki JPR mengawasi aktiviti-aktiviti pengurusan kanan dalam menguruskan hal-hal risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko diamalkan dan berfungsi dengan berkesan. Tanggungjawab JPR termasuk kajian semula laporan pengurusan berkala mengenai pendedahan risiko, portfolio risiko dan strategi-strategi pengurusannya, memastikan kecukupan prasarana, sumber dan sistem bagi pengurusan risiko yang efektif, menilai kecukupan dasar-dasar dan rangka kerja bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko, serta takat di mana perkara-perkara tersebut beroperasi secara efektif.

## **Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan**

Dengan kelulusan yang diberikan oleh BNM, Syarikat menggunakan Jawatankuasa Pencalonan ("JP") dan Jawatankuasa Imbuhan ("JI") syarikat induk, PacificMas Berhad ("PacificMas"), untuk melaksanakan fungsi dan tanggungjawab kedua-dua jawatankuasa ini. Bidang rujukan kedua-dua JP dan JI mematuhi garis panduan berkenaan fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa penginsurans yang dikeluarkan oleh BNM di bawah JPI/GP1 (Gabungan): Standard Minimum untuk Pengurusan Berhemah Penanggung Insurans.

### **(i) Jawatankuasa Pencalonan**

Komposisi jawatankuasa pencalonan terdiri daripada pengarah-pengarah PacificMas seperti berikut:

Tan Sri Dato' Wong Kum Choon (Pengerusi)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Choi Siew Hong  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Kol. (B) Dato' Ir. Cheng Wah  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Keong Choon Keat  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Wong Nang Jang  
Bukan Bebas Bukan Eksekutif

JP telah bermesyuarat sebanyak 4 kali sepanjang tahun kewangan dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

<b>Nama</b>	<b>Jumlah Mesyuarat Yang Dihadiri</b>	<b>%</b>
Tan Sri Dato' Wong Kum Choon (Pengerusi)	4/4	100
Choi Siew Hong	4/4	100
Kol. (B) Dato' Ir. Cheng Wah	4/4	100
Keong Choon Keat	4/4	100
Wong Nang Jang	4/4	100

JP diberi tanggungjawab untuk mempertimbangkan dan menilai pelantikan pengarah-pengarah baru dan pengarah-pengarah yang akan mengambil tempat dalam Jawatankuasa Lembaga Syarikat dan bagi mencadangkan calon kepada Lembaga dan BNM untuk pelantikan dan pelantikan semula atau pemilihan

semula. Selain daripada itu, jawatankuasa juga diamanahkan dengan tanggungjawab mengesyorkan kepada Lembaga pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif dan menilai prestasi pegawai-pegawai kanan Syarikat.

Berkenaan dengan pengarah yang akan bersara, JP mengkaji semula kesesuaian, kecekapan serta sumbangan para Pengarah untuk pemilihan semula dan pelantikan semula sebelum mencadangkan nama mereka kepada Lembaga untuk dikemukakan kepada BNM untuk kelulusan dan seterusnya kepada pemegang saham untuk kelulusan di Mesyuarat Agung Tahunan.

Setiap tahun, JP juga mengkaji semula struktur, saiz dan komposisi Lembaga serta kepelbagaian kemahiran dan kebolehan teras yang diperlukan oleh Lembaga untuk melaksanakan tugas-tugasnya dengan efektif. Ia juga akan menilai, setiap tahun, keberkesanan Lembaga pada keseluruhannya dan Jawatankuasa Lembaga serta sumbangan setiap pengarah. JP juga akan menimbangakan perancangan penggantian Lembaga pada waktu mana yang sesuai.

#### **(ii) Jawatankuasa Imbuhan**

Komposisi JI terdiri daripada pengarah-pengarah PacificMas seperti berikut:

Keong Choon Keat (Pengerusi)  
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Choi Siew Hong  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Sharriffudin Ahmad Taff  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Wong Nang Jang  
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

JI telah bermesyuarat sebanyak 2 kali sepanjang tahun kewangan dan kehadiran para pengarah adalah seperti berikut:

<b>Nama</b>	<b>Jumlah Mesyuarat Yang Dihadiri</b>	<b>%</b>
Keong Choon Keat (Pengerusi)	2/2	100
Choi Siew Hong	2/2	100
Sharriffudin Ahmad Taff	2/2	100
Wong Nang Jang	2/2	100



Lembaga mengakui bahawa tahap imbuhan mesti memadai untuk menarik, mengekal dan mendorong para pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama yang berkualiti yang diperlukan untuk menguruskan Syarikat. Dalam hal ini, JI bertanggungjawab mengkaji semula dan mencadangkan pakej imbuhan bagi para pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan Syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah.

#### **(b) Kebertanggungjawaban Pengurusan**

Syarikat mempunyai struktur organisasi dengan batasan kebertanggungjawaban yang jelas dan kuasa yang ditugaskan untuk memastikan pengenalpastian kebertanggungjawaban dan pengasingan tugas-tugas yang sesuai. Had kuasa pengendalian yang merangkumi semua aspek pengendalian termasuk pengunderaitan, penyelesaian tuntutan dan kewangan dikaji semula dan dikemas kini secara bersesuaian. Penghuraian kerja yang didokumenkan dengan jelas bagi semua pekerja pengurusan dan eksekutif dikekalkan sementara penilaian prestasi secara formal dikendalikan sekurang-kurangnya sekali setahun. Sebarang perubahan kepada struktur organisasi dimaklumkan kepada semua kakitangan.

Tiada pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pengurus kanan Syarikat yang bertanggungjawab dengan kelulusan dan pemprosesan kemudahan pembiayaan mempunyai kepentingan sama ada secara terus atau tidak, seperti yang dirujuk di dalam Seksyen 54 Akta Insurans, 1996.

Pengarah yang berkuasa atau memiliki harta tidak mempunyai kepentingan sama ada secara terus atau tidak, yang mempunyai konflik dengan tugas atau kepentingan sebagai pengarah, seperti yang dirujuk di dalam Seksyen 55 Akta Insurans 1996.

#### **(c) Kebebasan Korporat**

Syarikat sudah mematuhi semua keperluan JPI/JGPI 19 (Gabungan): Garis Panduan Urus Niaga Pihak Berkaitan. Semua urusan niaga dengan pihak berkaitan yang material dibentangkan di dalam penyata kewangan selaras dengan Piawai Pelaporan Kewangan ("FRS") 124 : Pendedahan Pihak Berkaitan. Selain daripada peruntukan perkhidmatan kewangan pada terma komersial biasa dan dalam proses perniagaan biasa, semua urusan niaga pihak berkaitan dibincangkan di dalam mesyuarat JA untuk kajian semula dan kelulusan.

#### **(d) Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko Operasi**

Lembaga bertanggungjawab pada keseluruhannya bagi mengekalkan sistem kawalan dalaman dan rangka struktur pengurusan risiko Syarikat untuk memberikan jaminan yang munasabah ke atas operasi yang efisien dan efektif,

kawalan kewangan dalaman dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan. Terdapat proses yang berterusan bagi mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Proses ini dikaji semula secara berkala oleh Lembaga. Untuk melaksanakan tugas-tugasnya, Lembaga mengamanahkan tanggungjawab khusus kepada JA dan JPR sebagai sebahagian daripada proses pengawalan dalaman dan pengurusan risiko Syarikat.

Sebuah rangka struktur pengurusan risiko yang formal diwujudkan di dalam Syarikat oleh Unit Pengurusan Risiko ("UPR") yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif sebagai Pegawai Pengurusan Risiko ("PPR") dan terdiri daripada Penyelaras Pengurusan Risiko dan eksekutif pengurusan kanan Syarikat. UPR melaporkan terus kepada JPR Syarikat.

Sepanjang tahun kewangan, inisiatif pengurusan risiko berikut dilaksanakan oleh UPR:

- (i) UPR mengkaji semula risiko yang dikenal pasti dan melaporkan hasil penilaian risiko kepada JPR dan Lembaga untuk dipertimbangkan pada setiap suku.
- (ii) UPR menilai dan mengenal pasti risiko-risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat seperti risiko perniagaan strategik dan risiko pengendalian, serta bidang yang berkaitan dengan isu berperaturan dan pematuhan, kewangan, risiko pengunderaitan dan tuntutan, dan rancangan keselantaran perniagaan. Rancangan pelegaan serta langkah pengawalan telah dibentuk dan dilaksanakan untuk menghadapi risiko-risiko ini dan pemantauan dilakukan untuk memastikan ketepatan masa dan keberkesannya. UPR juga menentukan tarikh sasaran untuk penambahbaikan yang berkemungkinan dalam penarafan risiko, pada masa yang sama memastikan rancangan tindakan susulan.
- (iii) UPR mengekalkan satu pangkalan data yang dikemas kini bagi semua risiko dan kawalan dalam bentuk daftar risiko yang terperinci dan profil risiko individu untuk Syarikat. Kemungkinan berlakunya risiko utama dan kesannya diawasi dan dinilai secara berkala.

Pendedahan dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat dibentangkan di bawah Nota 26 dalam penyata kewangan.

Selain daripada perkara di atas, jawatankuasa utama berikut juga, antara lain, berkhidmat secara berterusan untuk mencapai objektif bagi meningkatkan budaya pengurusan risiko Syarikat:

- (i) Jawatankuasa Perancangan Pemulihan Bencana Korporat telah diberi tugas untuk menyediakan, mengkaji semula dan menguji secara berkala keberkesanan rancangan keselantaran perniagaan Syarikat untuk menyokong pengendalian perniagaan yang kritikal. Selaras dengan keperluan GPIS1: Garis Panduan Mengenai Pengurusan Persekitaran Teknologi Maklumat ("IT") BNM,

Syarikat telah menyediakan Rancangan Penerusan dan Luar Jangka Perniagaan ("RPLJP") yang disemak semula dan diluluskan oleh Lembaga pada Mac 2007. RPLJP bertujuan memastikan sumber dan perkhidmatan kritikal Syarikat tersedia sekiranya terdapat kegagalan sistem atau gangguan perniagaan. Ia juga bertujuan untuk memastikan gangguan yang mungkin berlaku pada pengendalian dan perkhidmatan dikurangkan ke tahap yang boleh diterima melalui gabungan kawalan rancangan luar jangkaan dan pemulihan yang dirancang dengan baik. Syarikat berjaya menguji RPLJP dan Rancangan Pemulihan Bencana IT berkaitan semasa tahun ini. RPLJP Syarikat adalah tertakluk kepada tinjauan dan semakan semula bagi meliputi keperluan BNM/RH/GL 013-3: Garis panduan Pengurusan Penerusan Perniagaan yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

- (ii) Jawatankuasa Pemimpin Teknologi Maklumat (JPTM) mempunyai tanggungjawab untuk memantau kecekapan, prestasi dan keberkesanan perkhidmatan IT secara keseluruhan. JPTM bermesyuarat dengan tetap bagi mengkaji semula pengendalian IT syarikat, rancangannya, kemajuan rancangan tindakan, dan juga pelaburan dalam sumber IT dan membuat cadangan apabila perlu. Rancangan IT yang dirumuskan semasa tahun kewangan termasuk rancangan IT jangka pendek dan jangka sederhana yang selari dengan arah perniagaan Syarikat.
- (iii) Jawatankuasa Pengurusan Anti-Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan ("APWH/PPK") - Jawatankuasa Pengurusan yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Pegawai Pematuhan di Ibu Pejabat dan juga cawangan, serta pegawai kanan utama Syarikat ditubuhkan untuk menguruskan risiko dan bidang-bidang yang berkaitan dengan APWH/PPK. Pegawai Pematuhan telah membuat lawatan ke beberapa cawangan bagi memudahkan pelaksanaan inisiatif APWH/PPK Syarikat tahun ini. Usaha juga dijalankan tahun ini bagi memastikan kakitangan dan agen dilatih dalam APWH/PPK. Syarikat juga memperkenalkan beberapa langkah yang menggunakan IT sebagai alat untuk mengenal pasti urus niaga yang menimbulkan kesangsian.

Syarikat mempunyai Rangka Kerja APWH/PPK yang menurut garis panduan BNM dan undang-undang bagi mengelakkan Syarikat daripada digunakan sebagai saluran pengubahan wang haram di dalam sistem kewangan. Rangka kerja disemak semula dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada November 2007 bagi mematuhi Akta Anti Pengubahan Wang & Anti Pembiayaan Pengganas 2001, serta UPW/GP1[2]: AML/CFT – Garis Panduan Sektorial 2 untuk Industri Insurans dan Takaful dari BNM.

- (iv) Jawatankuasa Pengawasan Kredit mengkaji risiko kredit, pemulihan penghutang dagangan dan kedudukan penyelarasan dengan pihak ketiga. Jawatankuasa juga mempertimbang dan melaksanakan langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki prosedur dan amalan pengawasan kredit sedia ada.

- (v) Syarikat mempunyai Jawatankuasa Pembangunan Produk yang menjalankan perancangan, pembentukan dan pembangunan produk baru, serta mengkaji produk Syarikat menurut garis panduan semasa seperti JPI/GPI 16 (Semakan): Garis Panduan ke atas Peniagaan Insurans Perubatan dan Kesihatan dan JPI/GPI 32: Garis Panduan ke atas Keperluan Pendedahan Minimum dalam Penjualan Produk Insurans Am.
- (vi) Jawatankuasa Cukai Barangan dan Perkhidmatan ("GST") sudah diformalkan dalam tahun kewangan sebagai penyediaan pelaksanaan GST. Perancangan awal ini adalah bagi menyediakan Syarikat untuk rejim GST agar pelaksanaan penyelarasan pengendalian dalam proses perniagaan, pembangunan sistem dan latihan kakitangan berjalan lancar. Syarikat sudah memulakan fasa pertama projek ini dengan merancang urus niaga input/output GST dan mengenal pasti implikasi GST di dalam pengendalian perniagaan dan sistem maklumat pengurusan Syarikat.

Syarikat beroperasi dalam satu persekitaran perniagaan yang tertakluk kepada bidang kawalan dan keperluan kepatuhan operasi serta penyediaan laporan. Setiausaha Syarikat dan pengurusan kanan memaklumkan Lembaga tentang undang-undang dan garis panduan baru serta perubahannya dan juga penerimaan piawai perakaunan dan insurans baru oleh Syarikat. Untuk menangani risiko kepatuhan, Syarikat melantik sebuah Unit Kepatuhan yang bertanggungjawab menempatkan langkah-langkah kawalan yang mencukupi untuk menyediakan jaminan yang munasabah bahawa perniagaan Syarikat dijalankan mengikut undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan dalaman/luaran yang ditetapkan. Unit Kepatuhan ini telah menyediakan penyata kepatuhan kepada Lembaga setiap suku.

Syarikat sudah menyediakan prosedur bagi menilai apabila perlu penilaian aset utama Syarikat, selaras dengan peruntukan FRS 116: Harta, Loji dan Peralatan, FRS 138: Aset Tidak Ketara, FRS 140: Harta Pelaburan, dan FRS 136: Penjejasan Aset. Prosedur dan pendedahan juga dikemas kini bagi menumpukan perhatian kepada keperluan FRS 124: Pendedahan Pihak Berkaitan yang menjadi mandatori tahun ini.

Syarikat mengamanahkan fungsi audit dalaman kepada Jabatan Audit Dalaman Kumpulan syarikat induk, PacificMas Berhad, untuk memberikan Lembaga satu penilaian bebas tentang kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman. Jabatan Audit Dalaman Kumpulan melaporkan terus kepada JA Syarikat. Fungsi dan tanggungjawab JA serta fungsi audit dalaman adalah menurut Piagam Audit Dalaman Kumpulan dan Garis Panduan BNM JPI/GPI 13: Garis Panduan untuk Jawatankuasa Audit dan Jabatan Audit Dalaman bagi Syarikat Insurans.

Fungsi audit dalaman menggunakan satu kaedah audit yang sistematik, berdisiplin serta berasaskan risiko dan menyediakan strategi serta rancangan audit berdasarkan kepada profil risiko dan jabatan fungsian Syarikat. Audit dalaman mengkaji secara bebas, pendedahan risiko dan proses pengawalan terhadap urus

tadbir, pengendalian dan sistem maklumat yang dilaksanakan oleh Syarikat. Aktiviti audit dalaman adalah berpandukan rancangan audit tahunan yang terperinci. Rancangan Audit tahunan diluluskan oleh JA sebelum tahun kewangan seterusnya dan dikemas kini apabila diperlukan selepas kelulusan terdahulu daripada JA.

Dalam tahun kewangan, fungsi audit dalaman melaporkan sebanyak 9 kali kepada JA. Laporan audit dalaman dibentangkan dalam mesyuarat JA dan penemuannya dikaji dengan pihak pengurusan. Juruaudit-juruaudit dalaman memastikan bahawa cadangan-cadangan untuk memperbaiki kawalan dan mengurangkan risiko dilaksanakan oleh pihak pengurusan. JA bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun dengan juruaudit luar tanpa kehadiran Pengurusan untuk membincangkan masalah, isu dan kebimbangan yang terbangkit daripada audit interim dan akhir, serta urusan-urusan lain yang berkaitan. Inisiatif ini bersama-sama dengan cadangan juruaudit luaran yang diberikan semasa audit tahunan mereka bagi memperbaiki kawalan dalaman yang digunakan oleh pihak pengurusan, memberi jaminan yang munasabah bahawa prosedur-prosedur pengawalan telah tersedia. JA membentangkan laporannya kepada Lembaga Pengarah untuk dikaji dari semasa ke semasa.

#### **(e) Kebertanggungjawaban Awam dan Amalan Adil**

Sebagai penjaga dana awam, urusan Syarikat dengan orang awam sentiasa dilaksanakan dengan adil, jujur dan secara profesional. Syarikat mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan semua polisi-polisi insurans yang diterbitkannya atau diserahkan kepada pemegang polisi baru ada memberitahu mereka tentang kewujudan Biro Pengantaraan Kewangan dan Jabatan Konsumer dan Amalan Pasaran BNM, menurut keperluan BNM dalam JPI/GPI 14 (Gabungan): Garis Panduan mengenai Amalan Penyelesaian Tuntutan. Kedua-dua biro ini ditubuhkan untuk menyediakan jalan alternatif kepada pemegang polisi untuk membetulkan ketidakadilan sekiranya berlaku amalan pasaran yang tidak adil.

Garis Panduan BNM JPI/GPI 28: Amalan Tidak Adil dalam Perniagaan Insurans diterbitkan untuk menggalakkan piawai ketelusan yang lebih tinggi, disiplin pasaran yang lebih baik dan kebertanggungjawaban dalam kelakuan perniagaan insurans untuk perlindungan pemegang polisi. Syarikat melaksanakan langkah-langkah pematuhan JPI/GPI 28 dengan penubuhan Unit Pengaduan Berpusat agar pelanggan ditawarkan khidmat yang lebih efektif dan adil.

Syarikat juga mengambil langkah yang sesuai untuk mematuhi keperluan pelaksanaan BNM JPI/GPI 16 (Semakan): Garis Panduan Mengenai Perniagaan Insurans Perubatan dan Kesihatan dan JPI/GPI 32: Garis Panduan Keperluan Pendedahan Minimum dalam Penjualan Produk Insurans am.

## (f) Laporan Kewangan

Para pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rekod perakaunan disimpan dengan baik dan penyata kewangan Syarikat disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia, peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Akta Insurans dan Peraturan, 1996.

### MANFAAT PARA PENGARAH

Pada penghujung tahun kewangan, mahupun sepanjang tahun kewangan, tidak wujud sebarang pengaturan di mana Syarikat menjadi pihak kepada, yang matlamatnya ialah untuk membolehkan para pengarah Syarikat mendapat manfaat melalui perolehan saham Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tidak ada pengarah yang menerima atau berhak untuk menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan dan boleh diterima oleh para pengarah seperti yang dinyatakan dalam Nota 18, 19 dan 25 dalam penyata kewangan dan penyata kewangan syarikat berkaitan atau gaji dan manfaat tetap kakitangan sepenuh masa syarikat berkaitan) akibat sebarang kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah adalah ahli, atau dengan syarikat di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

### KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Menurut daftar pemegangan saham para pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham-saham Syarikat dan syarikat-syarikat yang berkaitannya sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	<b>Bilangan Saham Biasa RM1 setiap satu</b>			
	<b>1 Januari</b>		<b>31 Disember</b>	
	<b>2007</b>	<b>Beli</b>	<b>Jual</b>	<b>2007</b>
<b>Syarikat Induk</b>				
<b>- PacificMas Berhad</b>				
Choi Siew Hong				
- kepentingan langsung	<b>201,000</b>	-	-	<b>201,000</b>
- kepentingan tak langsung*	<b>2,000</b>	-	-	<b>2,000</b>
Lai Wan				
- kepentingan langsung	<b>10,000</b>	-	-	<b>10,000</b>
Ng Hon Soon				
- kepentingan tak langsung	<b>5,000</b>	-	-	<b>5,000</b>

\*Termasuk kepentingan anak beliau dalam Daftar Pegangan Pengarah menurut Seksyen 134 (12) (c) Akta syarikat, 1965 (pindaan), berkuat kuasa 15 Ogos 2007.

Selain daripada yang dinyatakan, tidak ada pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan yang mempunyai sebarang kepentingan dalam saham Syarikat atau syarikat berkaitannya sepanjang tahun kewangan.

## **MAKLUMAT BERKANUN LAIN**

- (a) Sebelum kunci kira-kira dan penyata pendapatan Syarikat disediakan, para pengarah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya :
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan yang sepatutnya diambil berkaitan dengan penghapusan kira hutang lapuk dan dalam membuat peruntukan bagi hutang ragu serta berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui dihapus kira dan peruntukan yang mencukupi dibuat bagi hutang ragu; dan
  - (ii) untuk memastikan bahawa aset semasa yang nilainya mungkin tidak dapat direalisasikan mengikut nilai di dalam rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dianggap boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini dibuat, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menyebabkan :
- (i) jumlah hutang lapuk yang dihapus kira atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu Syarikat tidak mencukupi dengan ketara; dan
  - (ii) nilai aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini dibuat, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang timbul yang boleh menyebabkan kepatuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada atas aset atau liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (d) Pada tarikh laporan ini dibuat, para pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan tersebut.
- (e) Pada tarikh laporan ini dibuat, tidak wujud :
- (i) sebarang gadaian ke atas aset Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti pihak lain; atau
  - (ii) sebarang liabiliti bersyarat Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan.

(f) Pada pendapat para pengarah:

- (i) tidak ada liabiliti bersyarat atau lain yang boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam jangka masa dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang akan atau mungkin akan menjejaskan secara berkesan keupayaan Syarikat untuk memenuhi tanggungjawabnya apabila tiba masanya kelak; dan
- (ii) tidak ada perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa yang timbul di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan keputusan kendalian Syarikat dengan ketara bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Bagi tujuan perenggan (e) dan (f), liabiliti bersyarat atau lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak pengunderaitan insurans dalam perjalanan urusan niaga biasa Syarikat.

(g) Sebelum kunci kira-kira dan penyata pendapatan disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peruntukan secukupnya dibuat bagi tuntutan kena dibayar, termasuk Tuntutan yang Ditanggung tapi Belum Dilaporkan ("TBL").

#### **PERISTIWA BERIKUTAN**

Peristiwa-peristiwa berikutan Syarikat dinyatakan dalam Nota 27 penyata kewangan.

#### **JURUAUDIT**

Juruaudit, Ernst & Young, menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan khidmatnya.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 20 Februari 2008.

CHOI SIEW HONG

TAN SRI DATO' NASRUDIN BIN BAHARI



**PENYATA PARA PENGARAH  
MENURUT SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT,1965**

Kami, CHOI SIEW HONG dan TAN SRI DATO' NASRUDIN BIN BAHARI, selaku dua orang daripada para pengarah THE PACIFIC INSURANCE BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 18 hingga 55 disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia yang berkenaan agar memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2007 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi para pengarah bertarikh 20 Februari 2008.

CHOI SIEW HONG

TAN SRI DATO' NASRUDIN BIN BAHARI

**AKUAN BERKANUN  
MENURUT SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT,1965**

Saya, TAN SIEW HOCK, selaku Pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan THE PACIFIC INSURANCE BERHAD, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 18 hingga 55 adalah pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya )  
oleh TAN SIEW HOCK yang tersebut di atas ) TAN SIEW HOCK  
di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan pada )  
20 Februari 2008 )

Di hadapan saya:

## **LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI**

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD**

(Diperbadankan di Malaysia)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 18 hingga 55. Penyata kewangan tersebut adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat bebas kami mengenai penyata kewangan tersebut berdasarkan audit kami dan melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada sesiapa yang lain untuk kandungan laporan ini.

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh kepastian munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang matan. Sesuatu audit merangkumi pemeriksaan, berdasarkan ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Sesuatu audit juga merangkumi penilaian terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian terhadap pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami telah memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Pada pendapat kami,

- (a) penyata kewangan tersebut disediakan dengan sewajarnya menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia yang berkenaan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2007 dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara yang dikehendaki menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diambil kira dalam penyata kewangan; dan
- (b) rekod perakaunan dan rekod lain serta daftar yang dikehendaki menurut Akta untuk disimpan oleh Syarikat disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta.

ERNST & YOUNG  
AF: 0039  
Akauntan Berkanun

PUSHPANATHAN A/L S.A. KANAGARAYAR  
No. 1056/03/09(J/PH)  
Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia  
20 Februari 2008

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2007**

	Nota	2007 RM	2006 RM
<b>ASET</b>			
Hartanah dan peralatan	3	1,901,353	2,085,314
Aset tak ketara	4	54,262	67,417
Aset cukai tertunda	5	—	18,760
Harta pelaburan	6	815,715	840,157
Pelaburan	7	203,158,175	225,123,645
Pinjaman	8	3,404,137	3,304,968
Cukai boleh pulih		699,248	1,386,808
Penghutang	9	29,459,734	29,340,563
Tunai dan baki bank		2,092,043	2,661,192
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>241,584,667</b>	<b>264,828,824</b>
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>			
Modal saham		100,000,000	100,000,000
Keuntungan tertahan	10	14,995,347	34,161,227
<b>Jumlah ekuiti</b>		<b>114,995,347</b>	<b>134,161,227</b>
Rizab premium tidak terperoleh	11	42,624,595	42,705,133
Peruntukan tuntutan belum dibayar	12	71,449,389	74,479,170
Pemiutang	13	12,063,936	13,483,294
Cukai boleh dibayar		371,743	—
Liabiliti cukai tertunda	5	79,657	—
Ganjaran persaraan kakitangan	14	—	—
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>126,589,320</b>	<b>130,667,597</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>241,584,667</b>	<b>264,828,824</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

	Nota	Modal saham RM	Keuntungan tertahan boleh agih RM	Jumlah RM
<b>Pada 1 Januari 2006</b>		100,000,000	33,916,790	133,916,790
Keuntungan bersih untuk tahun, mewakili				
<b>Jumlah pendapatan diiktiraf untuk tahun</b>		–	11,044,437	11,044,437
		<hr/>	<hr/>	<hr/>
Dividen	15	100,000,000	44,961,227	144,961,227
		–	(10,800,000)	(10,800,000)
		<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Pada 31 Disember 2006</b>		100,000,000	34,161,227	134,161,227
		<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Pada 1 Januari 2007</b>		100,000,000	34,161,227	134,161,227
Keuntungan bersih untuk tahun, mewakili				
<b>Jumlah pendapatan diiktiraf untuk tahun</b>		–	10,034,120	10,034,120
		<hr/>	<hr/>	<hr/>
Dividen	15	100,000,000	44,195,347	144,195,347
		–	(29,200,000)	(29,200,000)
		<hr/>	<hr/>	<hr/>
<b>Pada 31 Disember 2007</b>		100,000,000	14,995,347	114,995,347
		<hr/>	<hr/>	<hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**PENYATA PENDAPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

	Nota	2007 RM	2006 RM
Hasil operasi	16	139,516,694	135,478,254
<b>Dana pemegang saham:</b>			
Pendapatan pelaburan	16a	570,648	533,408
Pendapatan kendalian lain	17	103,054	115,265
Perbelanjaan pengurusan	18	(95,089)	(90,136)
Pindahan lebihan dari Akaun Hasil Insurans Am		13,884,346	13,729,388
Keuntungan sebelum cukai		14,462,959	14,287,925
Cukai	20	(4,428,839)	(3,243,488)
Keuntungan bersih untuk tahun		10,034,120	11,044,437
Perolehan sesaham (sen)	22		
Asas		10.0	11.0

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**AKAUN HASIL DANA INSURANS AM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Nota	Kebakaran		Motor		Marin, Udara dan Transit		Pelbagai						Jumlah			
	2007	2006	2007	2006	2007	2006	Perubatan & Kesihatan		Lain-lain		Jumlah Pelbagai		2007	2006		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	2007	2006	2007	2006	2007	2006	RM	RM		
Hasil kendalian	16														<u>138,946,046</u>	<u>134,944,846</u>
Premium kasar		22,008,630	21,214,713	33,784,183	34,770,061	4,831,740	3,354,522	41,743,623	39,416,469	28,050,078	28,034,216	69,793,701	67,450,685	130,418,254	126,789,981	
Insurans semula		(10,398,287)	(9,579,780)	(2,807,910)	(3,136,709)	(3,819,869)	(2,426,746)	(2,899,201)	(2,490,308)	(10,538,442)	(9,352,935)	(13,437,643)	(11,843,243)	(30,463,709)	(26,986,478)	
Premium bersih		11,610,343	11,634,933	30,976,273	31,633,352	1,011,871	927,776	38,844,422	36,926,161	17,511,636	18,681,281	56,356,058	55,607,442	99,954,545	99,803,503	
Pengurangan/(peningkatan) dalam rizab premium tidak terperoleh	11	232,527	(614,360)	49,415	(538,921)	(68,452)	175,196	(500,127)	(2,991,476)	367,175	(860,288)	(132,952)	(3,851,764)	80,538	(4,829,849)	
Premium diperoleh		11,842,870	11,020,573	31,025,688	31,094,431	943,419	1,102,972	38,344,295	33,934,685	17,878,811	17,820,993	56,223,106	51,755,678	100,035,083	94,973,654	
Tuntutan bersih kena dibayar	21	(7,146,540)	(5,545,953)	(19,845,331)	(20,731,478)	(160,849)	452,760	(28,836,609)	(23,805,879)	(6,745,704)	(6,332,707)	(35,582,313)	(30,138,586)	(62,735,033)	(55,963,257)	
Komisen bersih		(749,066)	(1,395,616)	(3,006,364)	(3,114,074)	253,020	158,412	(4,527,020)	(4,439,759)	(2,755,118)	(3,351,503)	(7,282,138)	(7,791,262)	(10,784,548)	(12,142,540)	
Lebihan pengunderaitan sebelum perbelanjaan pengurusan		<u>3,947,264</u>	<u>4,079,004</u>	<u>8,173,993</u>	<u>7,248,879</u>	<u>1,035,590</u>	<u>1,714,144</u>	<u>4,980,666</u>	<u>5,689,047</u>	<u>8,377,989</u>	<u>8,136,783</u>	<u>13,358,655</u>	<u>13,825,830</u>	26,515,502	26,867,857	
Perbelanjaan Pengurusan	18													(25,468,694)	(24,839,387)	
Lebihan pengunderaitan														1,046,808	2,028,470	
Pendapatan pelaburan	16a													8,527,792	8,154,865	
Pendapatan operasi lain	17													<u>4,309,746</u>	<u>3,546,053</u>	
Keuntungan daripada operasi														<u>13,884,346</u>	<u>13,729,388</u>	
Pindahan kepada Penyata Pendapatan														<u>13,884,346</u>	<u>13,729,388</u>	

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

	2007 RM	2006 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN</b>		
Keuntungan sebelum cukai	14,462,959	14,287,925
Pelarasan untuk:		
Susut nilai harta dan peralatan	826,631	1,117,503
Keuntungan atas pelupusan hartanah dan peralatan	(34,068)	(42,327)
Hapus kira harta dan peralatan	4,682	5,688
Peruntukan untuk /(masuk kira semula) pengurangan nilai dalam nilai pelaburan	154,776	(4,264,863)
Rosot nilai hartanah pelaburan	24,442	24,642
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun	540,185	378,779
Pelunasan aset tak ketara	23,289	20,881
(Keuntungan)/kerugian bersih atas jualan pelaburan	(4,206,739)	988,879
Pendapatan pelaburan	(9,638,625)	(9,067,052)
Pendapatan faedah lain	(106,554)	(118,765)
Perbelanjaan faedah lain	115	319
Kira pulih hutang lapuk selepas hapus kira	(686,223)	(955,063)
Peruntukan bagi ganjaran persaraan kakitangan	–	10,138
Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek (Pengurangan)/peningkatan bersih rizab premium tidak terperoleh	2,868	26,152
	(80,538)	4,829,849
Keuntungan daripada pengendalian sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti kendalian	1,287,200	7,242,685
Pembelian pelaburan	(105,887,408)	(78,423,220)
Perolehan daripada jualan/kematangan pelaburan	94,630,358	98,847,115
(Peningkatan)/pengurangan pinjaman	(99,169)	456,870
Pengurangan penghutang	1,005,762	526,028
Pengurangan/(Peningkatan) deposit tetap dan panggilan	36,734,299	(23,580,986)
Pengurangan tuntutan belum dibayar	(3,029,781)	(196,601)
Pengurangan pemiutang	(1,422,228)	(378,612)
Tunai dijana daripada kendalian	23,219,033	4,493,279
Pendapatan pelaburan diterima	9,107,797	8,999,704
Pendapatan faedah lain diterima	106,554	118,765
Perbelanjaan faedah dibayar	(115)	(319)
Cukai pendapatan dibayar	(3,179,000)	(3,740,000)
Pengembalian cukai pendapatan diterima	–	207,910
Ganjaran persaraan kakitangan dibayar	–	(244,175)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti kendalian	29,254,269	9,835,164

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007 (Samb.)**

	<b>2007 RM</b>	<b>2006 RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian harta dan peralatan	(723,164)	(604,620)
Pembelian aset tak ketara	(10,134)	(13,550)
Perolehan daripada pelupusan harta dan peralatan	109,880	77,390
	<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(623,418)	(540,780)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Dividen dibayar, mewakili		
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(29,200,000)	(10,800,000)
	<hr/>	<hr/>
<b>PENGURANGAN BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>	(569,149)	(1,505,616)
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN</b>	2,661,192	4,166,808
	<hr/>	<hr/>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>	2,092,043	2,661,192
	<hr/>	<hr/>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Wang tunai dan baki di bank	2,092,043	2,661,192
	<hr/>	<hr/>



**THE PACIFIC INSURANCE BERHAD**  
**(Diperbadankan di Malaysia)**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**31 DISEMBER 2007**

**1. MAKLUMAT KORPORAT**

Aktiviti utama Syarikat adalah pengunderaitan perniagaan insurans am. Tidak terdapat sebarang perubahan penting dalam aktiviti utama sepanjang tahun kewangan.

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti berhad yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Tempat utama perniagaan Syarikat terletak di Tingkat 6, Menara Prudential, No.10, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Syarikat induk dan syarikat induk muktamad Syarikat ialah PacificMas Berhad ("PacificMas"), sebuah syarikat awam liabiliti berhad, diperbadankan dan bermastautin di Malaysia, dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Penyata kewangan ini diluluskan untuk penerbitan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para pengarah bertarikh 20 Februari 2008.

**DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**2.1 Asas Persediaan**

Penyata kewangan Syarikat disediakan menurut konvensyen kos bersejarah dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1996, Garis Panduan / Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dan Piawai Pelaporan Kewangan di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Syarikat mengguna pakai Piawai Pelaporan Kewangan baru dan disemak semula yang mana adalah mandatori bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007 seperti yang diterangkan dalam Nota 2.3.

Aset dan liabiliti di dalam kunci kira-kira merujuk kepada kedua-dua Dana Insurans Am dan Dana Pemegang Saham.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

**2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting**

**(a) Harta dan Peralatan dan Susut Nilai**

Semua harta dan peralatan pada permulaannya dicatatkan pada kos. Kos lanjutan dimasukkan dalam nilai dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, seperti mana sesuai, hanya bila terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan akan mengalir kepada Syarikat dan kos item tersebut boleh disukat dengan pasti. Nilai di bawa bahagian yang

diganti dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan akan dicaj ke penyata pendapatan dalam tempoh kewangan yang mana ia ditanggung.

Selepas pengiktirafan, harta dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Susut nilai bagi hartanah dan peralatan diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai sisanya sepanjang anggaran hayat penggunaannya pada kadar tahunan seperti berikut:

Pengubahsuaian pejabat	50%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	10%
Peralatan pejabat	10%
Komputer	20%

Kaedah baki nilai, hayat berguna dan susut nilai dikaji pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai adalah selari dengan jangkaan sebelumnya dan jangkaan penggunaan manfaat ekonomi akan datang dalam item harta dan peralatan.

Item harta atau peralatan dinyahiktiraf selepas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa akan datang dijangka akan diperolehi daripada penggunaan atau pelupusan. Perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan nilai bawanya akan diiktiraf di dalam penyata pendapatan/akaun hasil.

## **(b) Pelaburan Harta**

Harta yang dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau peningkatan modal atau kedua-duanya dikelaskan sebagai hartanah pelaburan.

Harta pelaburan pada permulaannya diiktiraf pada kos, termasuk kos urus niaga berkaitan. Selepas pengiktirafan permulaan, harta pelaburan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar untuk pengiktirafan dan penyukatan kerugian rosot nilai adalah selaras dengan Nota 2.2 (g)

Susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus bahagi jumlah hayat berguna selama 50 tahun untuk harta pelaburan. Baki nilai dan hayat dikaji, dan diselaraskan sekiranya perlu, pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Pelaburan harta dinyahiktiraf apabila ia dilupuskan atau apabila harta pelaburan tidak lagi digunakan secara tetap dan tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangkakan daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugiannya dalam persaraan atau pelupusan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan dalam tahun yang mana ia berlaku.

### **(c) Keputusan Pengunderaitan**

Keputusan pengunderaitan insurans am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan, setelah mengambil kira insurans semula, premium tak usaha, komisen dan tuntutan yang ditanggung.

#### **(i) Pendapatan premium**

Pendapatan premium bersih daripada insurans semula diiktiraf berdasarkan tarikh dibukukan dan bukannya tarikh kesanggupan risiko sebagaimana yang disyorkan dalam FRS 202 : Perniagaan Insurans Am. Walau bagaimanapun penyelarasan dibuat secara asas bulanan untuk mengambil kira premium berdasarkan tarikh kesanggupan risiko.

Premium triti insurans semula yang diterima diiktiraf berasaskan makluman berkala yang diterima daripada syarikat pengesid penginsurans.

#### **(iii) Rizab premium tidak terperoleh**

Rizab premium tidak terperoleh ("UPR") merupakan bahagian premium bersih polisi-polisi insurans yang berhubung dengan tempoh polisi yang belum luput pada akhir tahun kewangan.

Dalam menentukan UPR pada tarikh kunci kira-kira, kaedah yang paling tepat menggambarkan liabiliti sebenar adalah digunakan seperti berikut:

- kaedah 25% untuk marin, kargo udara dan perniagaan transit
- kaedah 1/24 untuk semua kelas lain perniagaan am polisi Malaysia dengan kadar potongan seperti di bawah, atau komisen kena bayar sebenar, yang mana lebih rendah
  - Motor dan bon 10%
  - Kebakaran, kejuruteraan, udara dan kapal marin 15%
  - Perubatan 10 – 15%
  - Kelas lain 20%
- kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan triti insurans semula diterima dari luar negara, dengan potongan sebanyak 20% untuk komisen
- polisi-polisi bukan tahunan diperuntukkan mengikut dasar masa di sepanjang tempoh risiko

UPR jangka panjang mewakili bahagian premium bersih polisi insurans jangka panjang yang dimasukkan, yang berhubung dengan tempoh polisi yang belum luput pada akhir tahun kewangan. Pendapatan premium diiktiraf pada dasar masa di sepanjang polisi.

### **(iii) Peruntukan untuk tuntutan**

Liabiliti untuk tuntutan belum dibayar diiktiraf bagi kedua-dua insurans langsung dan insurans semula diterima. Jumlah tuntutan belum dibayar adalah anggaran terbaik untuk perbelanjaan yang diperlukan bersama dengan perbelanjaan berkaitan ditolak perolehan pemulihan untuk menyelesaikan kewajipan semasa pada tarikh kunci kira-kira.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan yang berkemungkinan serta perbelanjaan berkaitan tuntutan yang bertanggung tetapi cukup dilaporkan dan ("IBNER") dan bertanggung tetapi belum dilaporkan ("IBNR") pada tarikh kunci kira-kira, berdasarkan kepada penilaian aktuari oleh seorang aktuari yang berkecuali, dengan menggunakan kaedah anggaran matematik, yang antara lain, berdasarkan corak perkembangan tuntutan sebenar.

### **(iv) Kos perolehan**

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans, ditolak pendapatan yang diterima daripada premium insurans semula mengesid diiktiraf apabila ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya kepada tempoh masa dalam mana pendapatan berkemungkinan akan diperolehi.

## **(d) Pengiktirafan Hasil yang Lain**

Hasil diiktiraf apabila faedah ekonomi yang berkait dengan urus niaga tersebut berkemungkinan akan mengalir ke syarikat dan jumlah hasil dapat dinilai dengan pasti.

### **(i) Pendapatan faedah**

Pendapatan faedah diiktiraf pada asas akrual menggunakan kaedah faedah efektif.

### **(ii) Pendapatan dividen kasar/agihan daripada dana unit amanah**

Pendapatan dividen kasar/agihan daripada dana unit amanah diiktiraf pada asas terisytihar apabila hak pemegang saham/unit untuk menerima bayaran ditentukan.

### **(iii) Pendapatan sewa**

Pendapatan sewaan diiktiraf pada asas akrual menurut kandungan perjanjian yang berkaitan.

### **(iv) Keuntungan/kerugian terealisasi bersih ke atas pelaburan**

Selepas pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan nilai bawaannya akan dicaj atau dikreditkan ke akaun untung rugi/ hasil.

### **(e) Mata wang Asing**

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, item monetari mata wang asing diterjemahkan ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran pada tarikh tersebut. Semua perbezaan pertukaran mata wang asing diambil kira dalam akaun untung rugi/hasil.

### **(f) Cukai pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas untung atau rugi untuk sesuatu tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai pendapatan akan dibayar yang dijangka bagi keuntungan akan dikenakan cukai tahun itu dan dikira menggunakan kadar cukai yang termaktub pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diperuntukkan, menurut kaedah liabiliti Secara dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara akan dikenakan cukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan ke satu tahap di mana wujudnya kemungkinan keuntungan akan dikenakan cukai boleh ditolak dengan perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai dan kredit cukai belum digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara itu timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam suatu urus niaga yang mana, tidak memberi kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai pada masa urus niaga tersebut.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan ketika aset direalisasi atau liabiliti dilangsaikan, berdasarkan kepada kadar cukai yang dimaktubkan pada tarikh kunci kira-kira. Cukai tertunda diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan dan dimasukkan dalam untung rugi bagi tempoh tersebut, kecuali bila ia timbul daripada satu urus niaga yang diiktiraf terus di dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga diiktiraf terus di dalam ekuiti.

### **(g) Rosot nilai aset bukan kewangan**

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat mengkaji semula jumlah dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa petunjuk kerugian rosot nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset itu dengan amaun boleh pulihnya.

Untuk menguji rosot nilai aset, nilai boleh pulih ditentukan pada asas aset individu kecuali sekiranya aset tidak menjanakan aliran tunai yang bergantung pada aset lain. Sekiranya ini berlaku, nilai boleh pulih ditentukan untuk unit penjanaan tunai ("CGU") yang mana memiliki aset tersebut.

Nilai boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada aset atau nilai wajar CGU tolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Dalam penentuan nilai

penggunaannya, unjuran aliran tunai masa hadapan didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa nilai waktu tunai dan risiko spesifik kepada asetnya. Sekiranya, jumlah dibawa aset adalah lebih tinggi daripada jumlah boleh pulih aset tersebut dianggap rosot nilai dan dikurangkan nilai kepada jumlah boleh pulih. Kerugian rosot nilai diiktiraf berhubung CGU diperuntukkan untuk mengurangkan jumlah dibawa aset dalam unit atau kumpulan unit mengikut asas pro-rata.

Kerugiannya rosot nilai diiktiraf dalam akaun untung rugi/hasil dalam tempoh yang mana ia berlaku. Pembalikan kerugian rosot nilai berlaku hanya apabila terdapat penukaran dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh pulih sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Jumlah dibawa aset ditingkatkan kepada jumlah boleh pulih sekiranya jumlah ini tidak melebihi jumlah di bawa yang ditentukan (selepas pelunasan atau susut nilai) tidak mempunyai kerugian rosot nilai yang diiktiraf untuk aset itu dalam tahun-tahun sebelum ini. Pembalikan kerugian rosot nilai untuk aset diiktiraf dalam akaun untung rugi/hasil dalam tempoh yang mana ia berlaku.

## **(h) Manfaat Pekerja**

### **(i) Faedah-faedah jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Syarikat. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja menambahkan hak ke atas ketidakhadiran berbayar masa hadapan mereka. Ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

### **(ii) Pelan caruman tetap**

Pelan caruman tetap adalah pelan manfaat selepas penggajian yang mana Syarikat membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau membina. Syarikat membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") seperti yang dikehendaki oleh undang-undang dan secara sukarela. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam akaun untung rugi/hasil apabila ia berlaku.

### **(iii) Ganjaran persaraan kakitangan**

Pada 2006, skim sumbangan gratuity persaraan kakitangan ditakrif tidak di biayai untuk kakitangan bukan pengurusan dihentikan dan jumlah peruntukan Syarikat untuk gratuity persaraan kakitangan bukan pengurusan di bawah skim tersebut dipindahkan kepada KWSP ke dalam akaun kakitangan individu.

### **(i) Instrumen Kewangan**

Instrumen kewangan diiktiraf di dalam kunci kira-kira apabila Syarikat terlibat sebagai satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan dikelaskan sebagai aset, liabiliti atau ekuiti menurut kandungan kontrak tersebut. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan sesuatu instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai satu liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Agihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti dicaj secara terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila Syarikat mempunyai hak pengimbangan yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang dan bercadang untuk menyelesaikannya sama ada pada asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti tersebut pada masa yang sama.

Pendedahan maklumat bagi aset dan liabiliti kewangan yang berkaitan dengan hak dan kewajipan yang timbul daripada kontrak insurans dikecualikan daripada skop FRS 132: Instrumen Kewangan - Pendedahan dan Pembentangan.

### **(i) Tunai Dan Kesetaraan Tunai**

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dan baki bank tetapi tidak termasuk deposit tetap dan panggilan.

Penyata aliran tunai telah disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung.

### **(ii) Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan lain yang diluluskan**

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan lain yang diluluskan sebagaimana ditentukan oleh BNM adalah dinyatakan pada kos dan diselaraskan bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira mengikut kaedah hasil efektif dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun dicaj atau dikreditkan ke akaun untung rugi/hasil.

### **(iii) Pelaburan disebut harga**

Pelaburan disebut harga adalah dinyatakan pada kos dan nilai pasaran, yang mana lebih rendah, yang ditentukan menggunakan asas agregat mengikut kategori pelaburan. Kos ditentukan pada asas purata wajar manakala nilai pasaran ditentukan pada asas nilai pasaran disebut harga. Sekiranya penurunan nilai sesuatu pelaburan dianggap bukan sementara, ianya dihapus kirakan ke atas nilai pelaburan tersebut.

### **(iv) Bon jaminan Kerajaan dan bon korporat tidak disebut harga**

Bon jaminan kerajaan dan bon korporat tidak disebut harga yang dijamin atau mempunyai penarafan minimum "BBB" (jangka panjang)

atau "P3"(jangka pendek) atau setarafnya oleh agensi penarafan yang ditubuhkan di Malaysia adalah dinilai pada kos yang diselaraskan bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun, yang dikira pada asas hasil efektif dari tarikh pembelian hingga tarikh matang. Sebarang bon korporat dengan penarafan yang lebih rendah adalah dinilai pada kos atau nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah.

**(v) Penghutang**

Penghutang dibawa pada nilai boleh realisasi yang dijangka.

Hutang lapuk yang dikenal pasti akan dihapus kira dan peruntukan dibuat bagi sebarang premium terhutang termasuk baki ejen, broker dan penanggung insurans semula yang tertunggak melebihi tiga puluh hari bagi kelas motor dan enam bulan bagi kelas-kelas insurans lain, dari tarikh ia boleh diterima dan semua hutang yang diragui seperti yang termaktub dalam garis panduan BNM.

**(vi) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu pada nilai wajar bagi bayaran yang perlu dibuat untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

**(vii) Instrumen ekuiti**

Saham-saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

Dividen atas saham biasa diiktiraf dan dinyatakan di dalam penyata perubahan dalam ekuiti dalam tempoh ia diisytiharkan.

**(j) Aset tak ketara**

Aset tak ketara Syarikat terdiri daripada perisian komputer.

Aset tak ketara yang diperolehi secara berasingan disukat pada pengiktirafan permulaan pada kos. Selepas pengiktirafan permulaan, aset tak ketara dinyatakan pada kos tolak pelunasan dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Perisian komputer dilunaskan mengikut kaedah garis lurus dibahagi jangka hayat berguna anggaran sebanyak lima tahun dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat penunjuk bahawa aset tak ketara tersebut mungkin mengalami rosot nilai.



## 2.3 Perubahan dalam dasar perakaunan dan kesan daripada mengguna pakai FRS baru dan disemak semula

Dasar perakaunan penting yang diguna pakai adalah selaras dengan yang digunakan dalam penyata kewangan tahunan beraudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006, kecuali yang mengguna pakai FRS baru/disemak semula yang mana adalah mandatori untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2007 seperti berikut:

FRS 6	Explorasi berkenaan dan Penilaian Sumber-sumber Mineral
FRS 117	Penyewaan
FRS 124	Pendedahan Pihak Berkaitan
Pindaan 119 <sub>2004</sub>	Faedah-faedah Pekerja: Keuntungan dan Kerugian Aktuari, Pelan Kumpulan dan Pendedahan

FRS 6 dan FRS 117 tidak relevan kepada pengendalian Syarikat.

Penggunaan pindaan FRS 119<sub>2004</sub> tidak mempunyai kesan kewangan penting ke atas penyata kewangan Syarikat manakala FRS 124 memberikan kesan kepada tahap dan had pendedahan pihak berkaitan.

Pada tarikh kelulusan penyata kewangan, Syarikat belum lagi mengguna pakai FRS 139 Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran yang tertunda serta FRS yang disemak semula, pindaan kepada FRS dan Interpretasi-interpretasi Jawatankuasa Terbitan ("IC") yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") yang akan berkuat kuasa untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2007:

FRS 107	Penyata Aliran Tunai
FRS 111	Kontrak Pembinaan
FRS 112	Cukai Pendapatan
FRS 118	Hasil
FRS 120	Perakaunan untuk Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan
Pindaan FRS 121:	Kesan Perubahan Kadar Tukaran Asing – Pelaburan Bersih di dalam Operasi Asing
FRS 134	Laporan Kewangan Interim
FRS 137	Peruntukan, Liabiliti Kontinjen dan Aset Kontinjen
IC Interpretasi 1	Pertukaran dalam Pembubaran Sedia ada, Pengekalan dan Liabiliti-liabiliti yana Setara
IC Interpretasi 2	Saham Ahli-ahli Entiti-entiti Koperasi dan Instrumen-instrumen yang Setara
IC Interpretasi 5	Hak Terhadap Kepentingan Berpunca daripada Pembubaran, Pengekalan dan Dana Pemuliharaan Alam
IC Interpretasi 6	Liabiliti-liabiliti Berpunca Daripada Penyertaan dalam Pasaran
IC Interpretasi 7	Tertentu – Sisa Kelengkapan Elektrik dan Elektronik Penggunaan Pendekatan Dinyatakan Semula di bawah FRS 129: Laporan Kewangan di dalam Ekonomi Hiperinflasi
IC Interpretasi 8	Skop FRS 2

FRS yang disemak semula, pindaan FRS dan IC Interpretasi 8 dijangka tidak mempunyai kesan kewangan penting ke atas penyata kewangan Syarikat apabila digunakan untuk tahun kewangan bermula 1 Januari 2008.

Selain daripada IC Interpretasi 8, IC Interpretasi-interpretasi yang lain tidak relevan kepada pengendalian Syarikat.

## **2.4 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Penting**

Penyediaan penyata kewangan memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Pihak pengurusan juga perlu menggunakan pertimbangannya dalam proses penggunaannya dalam dasar perakaunan Syarikat. Bidang ini melibatkan pertimbangan atau kerumitan yang lebih tinggi tahapnya, atau bidang di mana pertimbangan dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan.

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan dan adalah berdasarkan pengalaman bersejarah dan faktor lain, termasuk jangkaan perkara masa hadapan yang dianggap munasabah dalam keadaan tersebut.

### **(a) Pertimbangan Kritikal dalam Penggunaan Dasar Perakaunan Syarikat**

Dalam proses penggunaan dasar perakaunan Syarikat, yang diterangkan di atas, pihak pengurusan berpendapat bahawa tidak ada keadaan pertimbangan yang dijangka akan memberikan kesan kewangan penting kepada jumlah dan baki yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

### **(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

Syarikat membuat anggaran dan anggapan mengenai masa hadapan. Keputusan anggaran perakaunan akan, mengikut pentakrifannya, sentiasanya jarang sama dengan keputusan sebenar berkaitan. Anggaran dan anggapan yang mempunyai risiko penting dalam menyebabkan pelarasan penting dalam jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibentangkan di bawah:

#### **(i) Ketidakpastian dalam anggaran perakaunan untuk perniagaan insurans am**

Ketidakpastian utama dalam perniagaan insurans am Syarikat terbit daripada peruntukan teknikal termasuk peruntukan liabiliti premium dan tuntutan. Liabiliti premium terdiri daripada rizab premium tidak terperoleh manakala liabiliti tuntutan merupakan peruntukan untuk tuntutan yang belum dijelaskan.

Secara amnya, liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan pengalaman tuntutan sebelum ini, pengetahuan sedia ada mengenai perkara, terma dan syarat polisi relevan dan tafsiran keadaan. Yang lebih relevan ialah pengalaman terdahulu dengan kes yang serupa, trend perkembangan tuntutan bersejarah, perubahan undang-undang, keputusan kehakiman dan keadaan ekonomi. Pasti nya liabiliti premium dan tuntutan masa hadapan sebenar mungkin tidak akan berkembang seperti yang diunjurkan dan mungkin berbeza daripada unjuran Syarikat.

Anggaran liabiliti premium dan tuntutan oleh demikian adalah sensitif kepada pelbagai faktor dan ketidakpastian. Pewujudan peruntukan teknikal ialah proses ketidakpastian yang wujud dan, oleh akibat ketidakpastian ini, penyelesaian akhir liabiliti premium dan tuntutan mungkin berbeza daripada anggaran awal.

Mungkin akan terdapat kelewatan pelaporan penting di antara masa kejadian sesuatu perkara diinsuranskan dan masa ia dilaporkan kepada Syarikat. Selepas pengenalpastian dan pemberitahuan kerugian yang diinsuranskan, mungkin masih terdapat ketidakpastian kepada berapa besarnya tuntutan tersebut. Terdapat banyak faktor yang menentukan tahap ketidakpastian termasuk inflasi, tafsiran kehakiman yang tidak konsisten, perubahan undang-undangan dan prosedur pengendalian tuntutan.

### 3. HARTA DAN PERALATAN

	Pengubahsuaian pejabat RM	Kenderaan bermotor RM	Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer RM	Jumlah RM
<b>2007</b>				
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari 2007	1,734,740	400,668	7,038,346	9,173,754
Tambahan	130,563	199,590	393,011	723,164
Pelupusan	(30,987)	(170,598)	(123,257)	(324,842)
Hapus kira	(36,115)	–	(187,631)	(223,746)
Pada 31 Disember 2007	1,798,201	429,660	7,120,469	9,348,330
<b>Susut Nilai Berkumpul</b>				
Pada 1 Januari 2007	1,609,607	120,016	5,358,817	7,088,440
Caj bagi tahun	115,176	40,548	670,907	826,631
Pelupusan	(30,987)	(99,800)	(118,243)	(249,030)
Hapus kira	(35,909)	–	(183,155)	(219,064)
Pada 31 Disember 2007	1,657,887	60,764	5,728,326	7,446,977
<b>Jumlah Dibawa Bersih</b>	140,314	368,896	1,392,143	1,901,353

	Pengubahsuaian pejabat RM	Kenderaan bermotor RM	Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer RM	Jumlah RM
<b>2006</b>				
<b>Kos</b>				
Pada 1 Januari 2006	1,759,084	283,686	7,238,686	9,281,456
Tambahan	67,306	219,650	317,664	604,620
Pelupusan	–	(102,668)	(430,583)	(533,251)
Hapus kira	(53,100)	–	(125,971)	(179,071)
Pengelasan Semula	(38,550)	–	38,550	–
Pada 31 Disember 2006	1,734,740	400,668	7,038,346	9,173,754
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>				
Pada 1 Januari 2006	1,527,924	187,720	4,926,864	6,642,508
Caj bagi tahun	134,783	10,837	971,883	1,117,503
Pelupusan	–	(78,541)	(419,647)	(498,188)
Hapus kira	(53,100)	–	(120,283)	(173,383)
Pada 31 Disember 2006	1,609,607	120,016	5,358,817	7,088,440
<b>Jumlah Dibawa Bersih</b>	125,133	280,652	1,679,529	2,085,314

Termasuk dalam harta dan peralatan Syarikat adalah aset yang disusut nilai sepenuhnya yang masih digunakan, dengan kos seperti berikut:

	2007 RM	2006 RM
Pengubahsuaian pejabat	1,582,312	1,444,097
Perabot, kelengkapan, peralatan pejabat dan komputer	4,064,516	2,887,663
	5,646,828	4,331,760

#### 4. ASET TAK KETARA

	2007 RM	2006 RM
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	158,292	147,172
Tambahan	10,134	13,550
Hapus kira	(1,080)	(2,430)
Pada 31 Disember	<u>167,346</u>	<u>158,292</u>

#### Pelunasan dan Ketaksempurnaan Terkumpul

Pada 1 Januari	90,875	72,424
Caj bagi tahun	23,289	20,881
Hapus kira	(1,080)	(2,430)
Pada 31 Disember	<u>113,084</u>	<u>90,875</u>

<b>Jumlah di bawa bersih</b>	<u>54,262</u>	<u>67,417</u>
------------------------------	---------------	---------------

#### 5. (LIABILITI)/ASET CUKAI TERTUNDA

	2007 RM	2006 RM
Pada 1 Januari	18,760	36,636
Diiktiraf dalam penyata pendapatan (Nota 20)	(98,417)	(17,876)
Pada 31 Disember	<u>(79,657)</u>	<u>18,760</u>

Komponen dan pergerakan liabiliti cukai tertunda dan aset cukai tertunda dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:

#### 2007

	Elaun modal dipercepat RM	Jumlah RM
<b>Liabiliti Cukai Tertunda</b>		
Pada 1 Januari 2007	(325,562)	(325,562)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	5,835	5,835
Pada 31 Disember 2007	<u>(319,727)</u>	<u>(319,727)</u>

2007	Penghutang RM	Ganjaran persaraan kakitangan RM	Lain-lain RM	Jumlah RM
<b>Aset Cukai Tertunda</b>				
Pada 1 Januari 2007	335,121	-	9,201	344,322
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(104,657)	-	405	(104,252)
Pada 31 Disember 2007	<u>230,464</u>	-	<u>9,606</u>	<u>240,070</u>

**Liabiliti cukai tertunda bersih** (79,657)

2006

		Elaun modal dipercepat RM	Jumlah RM
<b>Liabiliti Cukai Tertunda</b>			
Pada 1 Januari 2006		(544,431)	(544,431)
Diiktiraf dalam penyata pendapatan		218,869	218,869
Pada 31 Disember 2006		<u>(325,562)</u>	<u>(325,562)</u>

2006	Penghutang RM	Ganjaran persaraan kakitangan RM	Lain-lain RM	Jumlah RM
<b>Aset Cukai Tertunda</b>				
Pada 1 Januari 2006	513,317	(65,530)	2,220	581,067
Diiktiraf dalam penyata pendapatan	(178,196)	(65,530)	6,981	(236,745)
Pada 31 Disember 2006	<u>335,121</u>	-	<u>9,201</u>	<u>344,322</u>
<b>Aset cukai tertunda bersih</b>				<u>18,760</u>

## 6. HARTA PELABURAN

	2007	2006
	RM	RM
<b>Kos</b>		
1 Januari/31 Disember	<u>1,006,700</u>	<u>1,006,700</u>
<b>Susut Nilai Berkumpul</b>		
1 Januari	166,543	141,901
Caj untuk tahun	<u>24,442</u>	<u>24,642</u>
31 Disember	<u>190,985</u>	<u>166,543</u>
<b>Jumlah Dibawa Bersih</b>	<u>851,715</u>	<u>840,157</u>
<b>Nilai Wajar</b>	<u>1,015,000</u>	<u>1,015,000</u>

## 7. PELABURAN

	2007		2006	
	Nilai dibawa RM	Nilai pasaran /petunjuk* RM	Nilai dibawa RM	Nilai pasaran /petunjuk* RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia ("SKM")	17,057,490		14,577,760	
Pelunasan premium selepas ditolak pertambahan diskaun	<u>(165,508)</u>		<u>(1,322,885)</u>	
	<u>16,891,982</u>	<u>16,844,935</u>	<u>13,254,875</u>	<u>13,351,850</u>
Terbitan Pelaburan Kerajaan ("TPK")	10,127,000		10,127,000	
Pelunasan premium selepas ditolak pertambahan diskaun	<u>(21,954)</u>		<u>(1,972)</u>	
	<u>10,105,046</u>	<u>10,164,000</u>	<u>10,125,028</u>	<u>10,225,000</u>

	2007		2006	
	Nilai dibawa RM	Nilai pasaran /petunjuk* RM	Nilai dibawa RM	Nilai pasaran /petunjuk* RM
Disebut harga di Malaysia: Saham, waran dan sekuriti lain (N1)	4,251,725		786,105	
Peruntukan pengurangan nilai	(229,731)		(74,955)	
	<u>4,021,994</u>	<u>4,021,994</u>	<u>711,150</u>	<u>711,150</u>
Amanah Saham (N2)	<u>14,752,116</u>	<u>14,883,073</u>	<u>9,440,694</u>	<u>9,502,614</u>
Tak disebut harga:				
Bon Cagamas	-	-	5,014,500	5,000,500
Bon korporat (N3)	40,726,861	40,632,141	32,364,391	33,432,340
	<u>40,726,861</u>	<u>40,632,141</u>	<u>37,378,891</u>	<u>38,432,840</u>
Pelunasan premium selepas ditolak pertambahan diskaun	(125,989)	-	692,543	-
	<u>40,600,872</u>	<u>40,632,141</u>	<u>38,071,434</u>	<u>38,432,840</u>
Deposit tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen:				
Bank berlesen (N4)	90,711,307		114,941,506	
Institusi kewangan lain (N5) dan (N6)	26,074,858		38,578,958	
	<u>116,786,165</u>		<u>153,520,464</u>	
Jumlah pelaburan	<u>203,158,175</u>		<u>225,123,645</u>	

\* nilai petunjuk, yang mana berkenaan, diperoleh daripada pasaran peringkat kedua

N1 Termasuk jumlah RM4,076,413 (2006: RM786,105) yang diuruskan oleh sebuah syarikat subsidiari bersama.

N2 Termasuk jumlah RM7,178,279 (2006: RM3,797,498) yang diuruskan oleh sebuah syarikat subsidiari bersama.

N3 Semua bon korporat tak disebut harga mempunyai penarafan minimum "BBB" (jangka panjang) atau "P3" (jangka pendek) atau yang setaraf oleh agensi penarafan yang diperbadankan di Malaysia.



- N4 Termasuk amaun RM25,406,734 (2006: RM39,720,495) yang disimpan dengan syarikat subsidiari pemegang saham hakiki syarikat induk dan jumlah RM212,000 (2006: Tiada) yang diuruskan oleh sebuah syarikat subsidiari bersama.
- N5 Termasuk jumlah RM981,240 (2006: RM16,049,004) yang diuruskan oleh sebuah syarikat subsidiari bersama
- N6 Institusi kewangan lain merupakan bank pelaburan dan institusi kewangan pembangunan.

Struktur kematangan pelaburan, pada kos (tidak termasuk pelaburan ekuiti dan unit amanah) adalah seperti berikut:

	Dalam 1 tahun RM	Lebih daripada 1 hingga < 3 tahun RM	3 hingga 5 tahun RM	Lebih daripada 5 tahun RM	Jumlah RM
<b>2007</b>					
MGS	2,384,000	–	4,663,590	10,009,900	17,057,490
GII	–	4,969,500	5,157,500	–	10,127,000
Bon korporat tidak di sebut harga:	1,541,850	10,981,535	8,072,520	20,130,956	40,726,861
Deposit tetap dan panggilan	116,786,165	-	-	-	116,786,165
	<u>120,712,015</u>	<u>15,951,035</u>	<u>17,893,610</u>	<u>30,140,856</u>	<u>184,697,516</u>
<b>2006</b>					
MGS	12,193,760	2,384,000	–	–	14,577,760
GII	–	4,969,500	5,157,500	–	10,127,000
Bon Cagamas tidak di sebut harga:	5,014,500	–	–	–	5,014,500
Bon korporat tidak di sebut harga:	-	13,564,861	14,938,950	3,860,580	32,364,391
Deposit tetap dan panggilan	141,820,464	11,700,000	-	-	153,520,464
	<u>159,028,724</u>	<u>32,618,361</u>	<u>20,096,450</u>	<u>3,860,580</u>	<u>215,604,115</u>

Purata wajaran kadar pulangan dan purata kematangan bakinya bagi deposit pada tarikh kunci kira-kira adalah seperti berikut:

	Purata wajaran kadar pulangan (% setahun)		Purata kematangan bakinya (Hari)	
	2007	2006	2007	2006
Bank berlesen	3.76	3.77	242	240
Institusi Kewangan Lain	3.58	3.52	56	48

## 8. PINJAMAN

	2007 RM	2006 RM
Pinjaman kakitangan:		
Bercagar	3,323,198	3,226,340
Tidak bercagar	80,939	78,628
	<u>3,404,137</u>	<u>3,304,968</u>
Dihutang selepas 12 bulan	<u>2,764,351</u>	<u>2,716,849</u>

Purata wajaran kadar faedah efektif bagi pinjaman kakitangan pada 31 Disember 2007 adalah 3.03% (2006: 2.80%) pada asas kiraan atas baki bulanan.

## 9. PENGHUTANG

	2007 RM	2006 RM
<b>Penghutang dagangan:</b>		
Premium tertunggak termasuk baki agen/broker dan ko-insurans	16,972,206	20,654,768
Peruntukan hutang ragu	<u>(1,693,247)</u>	<u>(3,050,916)</u>
	<u>15,278,959</u>	<u>17,603,852</u>
Penghutang insurans semula/syarikat pengesid	3,535,589	2,730,063
Peruntukan hutang ragu	<u>(533,466)</u>	<u>(652,072)</u>
	<u>3,002,123</u>	<u>2,077,991</u>
Jumlah penghutang dagangan	<u>18,281,082</u>	<u>19,681,843</u>
<b>Penghutang lain:</b>		
Penghutang lain, deposit dan prabayar	8,849,563	7,785,736
Pendapatan tertunggak dan terakru	<u>2,329,089</u>	<u>1,872,984</u>
Jumlah penghutang lain:	<u>11,178,652</u>	<u>9,658,720</u>
Jumlah penghutang	<u>29,459,734</u>	<u>29,340,563</u>

## 10. MODAL SAHAM

	Bilangan Saham Biasa RM1 setiap satu		Jumlah	
	2007	2006	2007	2006
<b>Dibenarkan</b>				
Pada 1 Januari/ 31 Disember	500,000,000	500,000,000	500,000,000	500,000,000
<b>Diterbitkan dan berbayar:</b>				
Pada 1 Januari/ 31 Disember	100,000,000	100,000,000	100,000,000	100,000,000

## 11. RIZAB PREMIUM TIDAK TERPEROLEH

	Kebakaran RM	Motor RM	Marin Udara dan Transit RM	Pelbagai		Jumlah Pelbagai RM	Jumlah RM
				Perubatan & Kesihatan RM	Lain-lain RM		
<b>2007</b>							
Pada 1 Januari	4,924,158	14,136,767	247,522	15,982,998	7,413,688	23,396,686	42,705,133
Peningkatan/ (Pengurangan)	232,527	(49,415)	68,452	500,127	(367,175)	132,952	(80,538)
Pada 31 Disember	4,691,631	14,087,352	315,974	16,483,125	7,046,513	23,529,638	42,624,595
<b>2006</b>							
Pada 1 Januari	4,309,798	13,597,846	422,718	12,991,522	6,553,400	19,544,922	37,875,284
Peningkatan/ (Pengurangan)	614,360	538,921	(175,196)	2,991,476	860,288	3,851,764	4,829,849
Pada 31 Disember	4,924,158	14,136,767	247,522	15,982,998	(7,413,688)	23,396,686	42,705,133

## 12. PERUNTUKAN TUNTUTAN BELUM DIBAYAR

	2007 RM	2006 RM
Peruntukan tuntutan belum dibayar	126,672,209	96,707,082
Perolehan boleh pulih daripada penginsurans semula	(55,222,820)	(22,227,912)
Tuntutan bersih belum dibayar	71,449,389	74,479,170

### 13. PEMIUTANG

	2006 RM	2005 RM
<b>Pemiutang dagangan:</b>		
Jumlah terhutang kepada penginsurans semula/syarikat pengesid	3,392,262	3,906,257
Jumlah terhutang kepada broker, ko-insurans dan pihak diinsuranskan	3,116,340	2,916,502
	<u>6,508,602</u>	<u>6,822,759</u>
<b>Pemiutang lain:</b>		
Pemiutang lain dan liabiliti terakru	5,555,334	6,660,535
	<u>12,063,936</u>	<u>13,483,294</u>

### 14. GANJARAN PERSARAAN KAKITANGAN

	2007 RM	2006 RM
Pada 1 Januari	-	234,037
Peruntukan bagi tahun	-	10,138
	-	<u>244,175</u>
Dipindahkan kepada KWSP/manfaat dibayar dalam tahun	-	(244,175)
Pada 31 Disember	-	<u>-</u>

### 15. DIVIDEN

	Dividen bagi Tahun		Dividen Diiktiraf dalam Tahun	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Dividen interim sebanyak 40.0 sen sesaham tolak 27% cukai pada 100,000,000 saham biasa (2006:15 sen sesaham tolak 28% cukai)	29,200,000	10,800,000	29,200,000	10,800,000

Para pengarah tidak mencadangkan sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

## 16. HASIL OPERASI

	Dana pemegang saham RM	Perniagaan Am RM	Jumlah RM
<b>2007</b>			
Premium kasar	–	130,418,254	130,418,254
Pendapatan pelaburan (Nota 16a)	570,648	8,527,792	9,098,440
	<u>570,648</u>	<u>138,946,046</u>	<u>139,516,694</u>
<b>2006</b>			
Premium kasar	–	126,789,981	126,789,981
Pendapatan pelaburan (Nota 16a)	533,408	8,154,865	8,688,273
	<u>533,408</u>	<u>134,944,846</u>	<u>135,478,254</u>

### 16a. PENDAPATAN PELABURAN

	Dana pemegang saham		Perniagaan Am	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Pendapatan pelaburan daripada:				
MGS	–	–	1,524,275	1,379,675
Bon Korporat	–	–	2,301,298	1,598,790
Bon Cagamas	–	–	33,133	295,157
Deposit tetap dan panggilan	546,648	509,408	4,555,319	4,168,011
Dividen kasar daripada:				
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Pelaburan disebut di Malaysia				
- Saham	–	–	391,279	702,933
- Unit amanah	–	–	209,585	338,078
Sewa hartanah	24,000	24,000	53,088	51,000
Pelunasan premium ditolak pertambahan diskaun	–	–	(540,185)	(378,779)
	<u>570,648</u>	<u>533,408</u>	<u>8,527,792</u>	<u>8,154,865</u>

## 17. PENDAPATAN /(PERBELANJAAN) KENDALIAN LAIN

	Dana pemegang saham		Perniagaan Am	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
<b>Pendapatan kendalian lain</b>				
Keuntungan atas jualan pelaburan	—	—	5,148,641	4,777,993
Keuntungan atas pelupusan harta dan peralatan	—	—	34,068	42,327
Kira pulih peruntukan pengurangan dalam nilai pelaburan	—	—	—	4,264,863
Pendapatan faedah daripada: pinjaman kakitangan	106,554	118,765	—	—
Pendapatan pelbagai	—	—	251,598	296,201
	<u>106,554</u>	<u>118,765</u>	<u>5,434,307</u>	<u>9,381,384</u>
<b>Perbelanjaan Kendalian Lain:</b>				
Kerugian atas jualan pelaburan	-	—	(941,902)	(5,766,872)
Peruntukan untuk pengurangan dalam nilai pelaburan	-	—	(154,776)	—
Rosot nilai hartanah pelaburan	(3,500)	(3,500)	(20,942)	(21,142)
Hapus kira harta dan peralatan	—	—	(4,682)	(5,688)
Perbelanjaan faedah	—	—	(115)	(319)
Perbelanjaan pelbagai	—	—	(2,144)	(41,310)
	<u>(3,500)</u>	<u>(3,500)</u>	<u>(1,124,561)</u>	<u>(5,835,331)</u>
<b>Pendapatan kendalian bersih</b>	<u>103,054</u>	<u>115,265</u>	<u>4,309,746</u>	<u>3,546,053</u>

## 18. PERBELANJAAN PENGURUSAN

	Dana pemegang saham		Perniagaan Am	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
Kos kakitangan:				
Gaji, bonus, elaun dan kos berkaitan lain	–	–	14,139,155	13,265,577
KWSP	–	–	1,953,195	1,826,457
Peruntukan bagi ganjaran persaraan kakitangan	–	–	–	10,138
Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek	–	–	2,868	26,152
Yuran pengarah (Nota 19)	–	–	160,500	135,500
Imbuan juruaudit				
Yuran Juruaudit	–	–	67,000	67,000
Lain-lain	–	–	9,000	9,000
Kira pulih hutang lapuk selepas hapus kira	–	–	(686,223)	(955,063)
Sewa pejabat	–	–	1,563,190	1,677,095
Sewa peralatan pejabat	–	–	201,850	188,420
Susut nilai harta dan peralatan	–	–	826,631	1,117,503
Pelunasan aset tak ketara	–	–	23,289	20,881
Perbelanjaan lain	95,089	90,136	7,208,239	7,450,727
	<u>95,089</u>	<u>90,136</u>	<u>25,468,694</u>	<u>24,839,387</u>

## 19. IMBUHAN PENGARAH & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

	2007 RM	2006 RM
Pengarah bukan eksekutif:		
Yuran pengarah	<u>160,500</u>	<u>135,500</u>

Imbuan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat yang termasuk di dalam kos kakitangan dalam Nota 18 berjumlah RM520,300 (2006: RM471,580). Nilai monetari jangkaan manfaat barangan yang tidak dimasukkan berjumlah RM10,874 (2006: RM10,912).

Bilangan pengarah Syarikat yang mana imbuan pada tahun semasa termasuk dalam lingkungan berikut dianalisis seperti di bawah:

	Bilangan pengarah	
	2007 RM	2006 RM
Pengarah bukan eksekutif:		
Di bawah RM50,000	5	5

## 20. PENCUKAIAN

	2006 RM	2005 RM
Cukai pendapatan:		
Cukai pendapatan Malaysia	3,642,861	2,582,662
Cukai asing ke atas dividen asing diterima	-	2,328
Peruntukan berkurangan nyata bagi tahun sebelumnya	687,561	640,622
	<u>4,330,422</u>	<u>3,225,612</u>
Cukai tertunda berkaitan dengan pengujudan dan pembalikan perbezaan sementara (Nota 5)	98,418	17,876
Perbelanjaan cukai bagi tahun	<u>4,428,839</u>	<u>3,243,488</u>

Cukai pendapatan tempatan dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 27% (2006: 28%) pada anggaran keuntungan boleh cukai untuk tahun. Kadar cukai berkanun tempatan akan dikurangkan kepada 26% daripada kadar tahun semasa sebanyak 27%, berkuat kuasa tahun penilaian 2008 dan kepada 25% berkuat kuasa tahun penilaian 2009. Pengiraan cukai tertunda pada 31 Disember 2007 sudah mencerminkan perubahan ini.

Penyelarasan perbelanjaan cukai yang dikaitkan kepada keuntungan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pada kadar cukai efektif Syarikat adalah seperti berikut:

	2007 RM	2006 RM
Kuntungan sebelum cukai	<u>14,462,959</u>	<u>14,287,925</u>
Pencukaian pada kadar cukai pendapatan berkanun Malaysia sebanyak 27% (2006: 28%)	3,904,999	4,000,619
Kesan kadar cukai berlainan di negara asing	-	(931)
Perbelanjaan tidak boleh ditolak bagi tujuan cukai	129,001	89,589
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(372,917)	(1,434,853)
Peruntukan berkurangan nyata bagi tahun sebelumnya	687,561	640,622
Peruntukan (terlebih)/terkurang nyata cukai tertunda bagi tahun sebelumnya	77,132	(50,865)
Kesan perubahan dalam kadar cukai pada baki mula dan cukai tertunda tahun semasa	3,063	(693)
Perbelanjaan cukai bagi tahun	<u>4,428,839</u>	<u>3,243,488</u>



Pada masa ini, syarikat Malaysia mengguna pakai sistem taksiran sepenuh. Menurut Akta Kewangan 2007 yang diwartakan pada 28 Disember 2007, syarikat tidak berhak menolak cukai ke atas dividen dibayar, kredit atau diagihkan kepada pemegang saham, dan dividen seperti ini dikecualikan daripada cukai dalam tangan pemegang saham (“sistem satu tingkat”). Walau bagaimanapun, terdapat tempoh peralihan selama enam tahun, yang luput pada 31 Disember 2013, bagi membenarkan syarikat untuk membayar dividen yang dicap kepada pemegang saham dalam keadaan terhad. Syarikat juga mempunyai pilihan tidak boleh dibatalkan untuk mengetepikan kredit cukai terkumpul di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 (“baki Seksyen 108”) dan pilihan untuk membayar dividen di bawah sistem satu tingkat. Perubahan dalam perundangan cukai juga membolehkan baki Seksyen 108 untuk disimpan pada 31 Disember 2007 menurut Seksyen 39 Akta Kewangan 2007.

Syarikat tidak memilih pilihan tidak boleh dibatalkan untuk mengetepikan baki Seksyen 108. Selaras dengan itu, tempoh peralihan, Syarikat boleh menggunakan kredit di dalam baki Seksyen 108 pada 31 Disember 2007 untuk mengagihkan bayaran dividen tunai kepada pemegang saham biasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Kewangan 2007. Pada 31 Disember 2007, Syarikat mempunyai kredit yang mencukupi di dalam baki Seksyen 108 dan pendapatan dikecualikan cukai untuk membayar dividen dicap daripada keseluruhan perolehan tertahannya. Pada 31 Disember, Syarikat mempunyai pendapatan dikecualikan cukai untuk agihan kira-kira RM1,741,000 (2006: RM1,715,000).

## 21. TUNTUTAN BERSIH TERTANGGUNG

2007	Kebakaran RM	Motor RM	Marin, Udara dan Transit RM	Pelbagai			Jumlah RM
				Perubatan & Kesihatan RM	Lain-lain RM	Jumlah pelbagai RM	
Tuntutan kasar dibayar ditolak sisaan	11,307,419	24,529,698	1,363,967	29,646,353	11,983,105	41,629,458	78,830,542
Perolehan boleh pulih daripada insurans semula	(5,089,922)	(1,656,347)	(751,473)	(1,188,723)	(4,379,263)	(5,567,986)	(13,065,728)
Tuntutan bersih dibayar	6,217,497	22,873,351	612,494	28,457,630	7,603,842	36,061,472	65,764,814
Tuntutan tertunggak bersih: Pada 31 Disember Pada 1 Januari	7,303,135 (6,374,092)	42,695,467 (45,723,487)	1,424,267 (1,875,912)	5,824,135 (5,445,156)	14,202,385 (15,060,523)	20,026,520 (20,505,679)	71,449,389 (74,479,170)
Tuntutan bersih kena dibayar	7,146,540	19,845,331	160,849	28,836,609	6,745,704	35,582,313	62,735,033
<b>2006</b>							
Tuntutan kasar dibayar ditolak sisaan	10,088,355	21,630,196	764,848	24,145,931	11,053,548	35,199,479	67,682,878
Perolehan boleh pulih daripada insurans semula	(4,861,176)	(1,298,556)	(802,701)	(1,038,849)	(3,521,738)	(4,560,587)	(11,523,020)
Tuntutan bersih dibayar	5,227,179	20,331,640	(37,853)	23,107,082	7,531,810	30,638,892	56,159,858
Tuntutan tertunggak bersih: Pada 31 Disember Pada 1 Januari	6,374,092 (6,055,318)	45,723,487 (45,323,649)	1,875,912 (2,290,819)	5,445,156 (4,746,359)	15,060,523 (16,259,626)	20,505,679 (21,005,985)	74,479,170 (74,675,771)
Tuntutan bersih kena dibayar	5,545,953	20,731,478	(452,760)	23,805,879	6,332,707	30,138,586	55,963,257

## 22. PEROLEHAN SESAHAM

Pengiraan perolehan asas sesaham bernilai RM1.00 sesaham adalah berdasarkan keuntungan selepas cukai bagi tahun sebanyak RM10,034,120 (2006: RM11,044,437) dibahagikan dengan bilangan saham biasa dalam terbitan sepanjang tahun sebanyak 100,000,000 (2006 : 100,000,000) saham. Tidak terdapat pencairan dalam perolehan sesaham pada 31 Disember 2007 kerana tidak ada saham biasa yang mempunyai potensi pencairan.

## 23. MAKLUMAT SEGMENT ALIRAN TUNAI

	Dana pemegang saham	Perniagaan Am	Jumlah
	RM	RM	RM
<b>2007</b>			
<b>Aliran tunai daripada:</b>			
Aktiviti pengendalian	29,399,955	(145,684)	29,254,271
Aktiviti pelaburan	–	(623,420)	(623,420)
Aktiviti pembiayaan	(29,200,000)	–	(29,200,000)
	<u>199,955</u>	<u>(769,104)</u>	<u>(569,149)</u>

### Penurunan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai:

Pada Awal Tahun Kewangan	(152,416)	(2,508,776)	(2,661,192)
Pada Akhir Tahun Kewangan	<u>352,371</u>	<u>1,739,672</u>	<u>2,092,043</u>
	<u>199,955</u>	<u>(769,104)</u>	<u>(569,149)</u>

## 2006

### Aliran tunai daripada

Aktiviti Pengendalian	10,668,533	(833,369)	9,835,164
Aktiviti pelaburan	–	(540,780)	(540,780)
Aktiviti pembiayaan	(10,800,000)	–	(10,800,000)
	<u>(131,467)</u>	<u>(1,374,149)</u>	<u>(1,505,616)</u>

### Penurunan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai:

Pada Awal Tahun Kewangan	(283,883)	(3,882,925)	(4,166,808)
Pada Akhir Tahun Kewangan	<u>152,416</u>	<u>2,508,776</u>	<u>2,661,192</u>
	<u>(131,467)</u>	<u>(1,374,149)</u>	<u>(1,505,616)</u>

## 24. KOMITMEN MODAL

	2007 RM	2006 RM
Diluluskan dan dikontrakkan: Hartanah dan peralatan	<u>7,279</u>	<u>19,942</u>

## 25. PENDEDAHAN PENTING PIHAK BERKAITAN

- (a) Selain daripada pendedahan pihak berkaitan yang diperincikan dalam bahagian lain penyata kewangan, Syarikat mempunyai urus niaga penting dan baki dengan pihak berkaitan seperti berikut:

	Urus niaga Penting		Nilai Dibawa	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
<b>Syarikat Induk:</b>				
Yuran pengurusan dibayar untuk perkhidmatan berkongsi	(1,568,616)	(1,415,401)	—	—
<b>Syarikat subsidiari bersama:</b>				
Premium insurans diterima	206,866	287,294	—	—
Tuntutan dibayar	(55,175)	(81,071)	—	—
Komisen insurans dibayar	(572,533)	(456,616)	—	—
Perbelanjaan sewa dibayar	(896,182)	(1,200,399)	—	—
Deposit sewa dan utiliti	—	—	262,052	351,619
Yuran pengurusan pelaburan dibayar	(80,953)	(145,865)	—	—
Dana di bawah pengurusan	—	—	12,447,932	20,632,607
<b>Pemegang saham hakiki syarikat induk:</b>				
Premium insurans diterima	165,502	108,480	—	—
Tuntutan dibayar	—	(146,929)	—	—
Komisen insurans dibayar	68,309	—	—	—
Premium insurans diterima	354,663	283,389	—	—
Premium insurans dibayar	(175,258)	(78,085)	—	—
Komisen insurans dibayar	(78,900)	—	—	—
Premium insurans semula diterima	—	128,404	—	—
Akaun semasa dan deposit	—	—	27,303,452	42,192,184
Pendapatan daripada deposit tetap dan panggilan diterima dan boleh diterima	1,293,558	908,012	251,430	240,404
<b>Syarikat bersekutu pemegang saham hakiki syarikat induk:</b>				
Premium insurans diterima	202,215	196,635	—	—
Tuntutan dibayar	(58,013)	(132,802)	—	—
Pembelian kenderaan bermotor	(199,590)	—	—	—

	Urus niaga Penting		Nilai Dibawa	
	2007 RM	2006 RM	2007 RM	2006 RM
<b>Pihak pengurusan utama Syarikat</b>				
Premium insurans diterima	50,007	—	—	—
Pinjaman kakitangan bercagar belum dijelaskan	—	—	50,800	65,200

#### (b) Pampasan kakitangan pihak pengurusan utama

Imbuan pengarah dan ahli pihak pengurusan utama dalam tahun adalah seperti berikut:

	2007 RM	2006 RM
Manfaat jangka pendek kakitangan	1,469,645	1,287,332
Pelan caruman tetap	199,245	171,396
	<u>1,668,890*</u>	<u>1,458,728*</u>

\*Termasuk pampasan yang dibayar kepada kakitangan pihak pengurusan utama pada tarikh kunci kira-kira sebanyak RM517,948 (2006: RM415,535).

Kakitangan pihak pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan bertanggungjawab untuk perancangan, pengarah dan pengawal aktiviti Syarikat, sama ada secara terus atau tidak. Kakitangan pihak pengurusan utama Syarikat termasuk pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar Kanan, Pengurus Besar dan Ketua Kewangan.

## 26. INSTRUMEN KEWANGAN

### (a) Objektif dan Dasar Pengurusan Risiko Kewangan

Dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat bertujuan untuk memastikan bahawa terdapat sumber-sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti perniagaan Syarikat sementara menguruskan risiko-risiko kadar faedah, kecairan, risiko pasaran dan kredit Syarikat. Syarikat beroperasi dengan garis panduan tertentu yang telah diluluskan oleh Lembaga dan dasar Syarikat adalah untuk tidak melibatkan diri dalam urus niaga spekulatif.

### (b) Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah yang utama bagi Syarikat adalah berkaitan dengan aset yang menghasilkan faedah. Aset-aset berfaedah merangkumi deposit tetap dan panggilan dengan institusi-institusi kewangan berlesen, MGS, Bon Cagamas, GII dan bon yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia. Risiko kadar faedah timbul daripada pergerakan kadar faedah yang menjejaskan pelaburan dan pelaburan semula aset berfaedah.

Syarikat mengurus risiko kadar faedah deposit-depositnya di institusi kewangan berlesen dengan mengekalkan campuran berhemat di antara deposit-deposit jangka pendek dan jangka panjang serta mengkaji semula portfolio depositnya dengan aktif.

#### **(c) Risiko Kecairan**

Syarikat mengurus secara aktif profil deposit-depositnya di institusi kewangan, mengendalikan aliran tunai dan ketersediaan pendanaan bagi memastikan yang kesemua keperluan pengendaliannya dapat dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada pengurusan kecairan berhemat, Syarikat mengekalkan paras tunai atau pelaburan boleh tukar tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

#### **(d) Risiko Pasaran**

Pelaburan Syarikat dalam MGS, bon Cagamas, GII dan korporat, ekuiti dan unit amanah tertakluk kepada turun naik harga pasaran di bursa saham tersenarai dan pasaran bon sekunder. Pelaburan Syarikat dalam ekuiti diuruskan oleh syarikat pengurusan aset berlesen. Syarikat telah memberikan garis panduan yang jelas dan ukur rujuk prestasi kepada syarikat-syarikat pengurusan aset di bawah perjanjian pengurusan dana untuk menguruskan risiko pasaran. Unit amanah yang dipegang oleh Syarikat dilaburkan dengan syarikat pengurusan unit amanah berlesen yang tertakluk kepada garis panduan amanah saham dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Syarikat memantau prestasi pelaburan unit amanah ke atas ukur rujuk prestasi berkaitan yang ditubuhkan oleh Syarikat.

#### **(e) Risiko Kredit**

Risiko kredit berlaku apabila aset tunai Syarikat diletakkan di dalam instrumen yang menghasilkan faedah, terutamanya deposit tetap dan perjanjian belian semula dengan institusi kewangan berlesen. Syarikat menguruskan risiko kredit ini dengan mempelbagaikan pengagihan simpanan depositnya dengan sebilangan besar institusi kewangan.

Pengawasan penghutang dagangan dilakukan dengan tetap dan Syarikat menggunakan pelbagai kaedah kawalan dalaman bagi meminimumkan risiko kredit ini.

## (f) Nilai Wajar

Nilai wajar bersih agregat bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan yang tidak dibawa pada nilai wajar dalam kunci kira-kira Syarikat pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut :

	Nota	Nilai Dibawa RM	Nilai Wajar RM
<b>Pada 31 Disember 2007:</b>			
<b>Pelaburan:</b>	7		
MGS		16,891,982	16,844,935
GII		10,105,046	10,164,000
Saham disebut harga, waran dan sekuriti lain		4,021,994	4,021,994
Unit amanah disebut harga		—	14,883,073
Bon Korporat tidak disebut harga		40,600,872	40,632,141
			<hr/>
<b>Pada 31 Disember 2006</b>			
<b>Pelaburan:</b>			
MGS		13,254,875	13,351,850
GII		10,125,028	10,225,000
Saham disebut harga, waran dan sekuriti lain		711,150	711,150
Unit amanah disebut harga		—	9,502,614
Bon Cagamas		5,000,714	5,000,500
Bon Korporat tidak disebut harga		33,070,720	33,432,340
			<hr/>

Kaedah dan andaian berikut telah digunakan untuk menganggarkan nilai wajar kelas-kelas instrumen kewangan berikut:

### (i) Tunai Dan Kesetaraan Tunai Dan Belum Terima/Belum Bayar

Amaun bawaan dianggar menghampiri nilai wajar disebabkan kematangan jangka pendek instrumen-instrumen kewangan ini

### (ii) Pelaburan

Nilai wajar pelaburan disebut harga ditentukan dengan merujuk kepada harga bida pasaran disebut harga oleh pasaran saham pada penutup perniagaan pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai wajar unit disebut harga dalam dana unit amanah ditentukan dengan merujuk kepada sebut harga pasaran oleh pengurus dana unit amanah.

Nilai wajar MGS, GII, Danaharta, Cagamas dan korporat tidak disebut harga adalah nilai petunjuk yang diperoleh dari pasaran sekunder.

## 27. PERISTIWA BERIKUTAN

Pada 4 Januari 2008, syarikat induk Syarikat, PacificMas Berhad (“PacificMas”), mengumumkan bahawa ia menerima Notis Tawaran Pengambilalihan Bersyarat daripada CIMB Investment Bank Berhad dan OCBC Advisers (Malaysia) Sdn Bhd, bagi pihak OCBC Capital (Malaysia) Sdn Bhd (“OCSB”) (dahulu dikenali sebagai OSPL Holdings Sdn Bhd), untuk memperoleh semua saham undian di PacificMas yang belum lagi dimiliki OCSB (“Saham Tawaran”) untuk pertimbangan tunai sebanyak RM4.30 Sesaham Tawaran (“Tawaran”) Syarikat induk utama OCSB ialah Oversea-Chinese Banking Corporation Limited, pemegang hakiki PacificMas. Notis Tawaran Pengambilalihan Bersyarat dihantar kepada pemegang saham PacificMas pada 9 Januari 2008.

Pada 14 Januari 2008, Lembaga Pengarah PacificMas melantik AmInvestment Bank Berhad sebagai penasihat bebas kepada Lembaga dan pemegang saham PacificMas mengenai Tawaran tersebut. Pelantikan AmInvestment Bank Berhad diluluskan Suruhanjaya Sekuriti.

Pada 25 Januari 2008, Dokumen Tawaran berkaitan Tawaran dihantar oleh OCSB kepada pemegang saham PacificMas. Tawaran adalah bersyarat mengikut yang berikut:

- (i) OCSB menerima penerimaan sah (pada atau sebelum penutup Tawaran) yang akan mengakibatkan OCSB memegang dalam agregat, bersama Saham PacificMas yang sudah diperolehi, pegang atau layak diperolehi atau dipegang oleh OCSB, jika ada, lebih daripada 50% saham undian PacificMas.
- (ii) kelulusan daripada Kementerian Kewangan atas syor Bank Negara Malaysia (“BNM”) mengenai perolehan Saham PacificMas menurut Tawaran. Permohonan kepada BNM dibuat pada 17 Januari 2008 dan keputusannya masih ditunggu.
- (iii) kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti (“SS”) (di bawah Garis Panduan Perolehan Kepentingan, Penggabungan dan Pengambilalihan oleh Kepentingan Tempatan dan Asing yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing) untuk perolehan Saham Tawaran oleh OCSB di bawah Tawaran dan cadangan pindahan keseluruhan pegangan saham OCBC Securities Private Limited di dalam OCSB kepada Federal Securities Private Limited. SS meluluskan permohonan ini pada 11 Februari 2008; dan
- (iv) kelulusan daripada SS (melalui Jabatan Pelesenan SS) untuk penukaran dalam pegangan saham terus dan/atau tidak terus PacificMas, sebagai pengawal Pacific Mutual Fund Bhd dan PacificMas Asset Management Sdn Bhd, dan akibat perolehan Saham Tawaran menurut Tawaran (jika berkenaan). Permohonan kepada SS (melalui Jabatan Pelesenan) dibuat pada 18 Januari 2008 dan keputusannya masih ditunggu.

yang mana sekiranya Tawaran ini luput dan semua penerimaan akan dikembalikan kepada pemegang saham PacificMas yang menerima Tawaran itu.

Pada 4 Februari 2008, PacificMas menghantar Pekeliling Nasihat Bebas kepada pemegang sahamnya.